## KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 1. | MESTECC hantar 100 penyelidik kepada industri | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 2. | Pembeli tampung sebahagian kos pengeluaran beg plastik biodegradasi / Caj tamping kos pengeluaran beg plastik biodegradasi | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 1 |
| 3. | Pencemaran toksik: JAS selesai ambil keterangan 3 suspek | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 4. | Pencemaran toksik: 13 sekolah ditutup mulai esok | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 5. | 'Heret segera ke muka pengadilan, beri hukuman setimpal' / Sedih, geram lihat keadaan mangsa: Maszlee | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 2 |
| 6. | Kes pencemaran metana, 13 sekolah ditutup | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 7. | Udara tercemar tidak merebak seluruh Pasir Gudang | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 8. | Jumlah mangsa alami sesak nafas, loya cecah 260 orang | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 9. | 10处可阅莱纳斯报告 · 环境部希望公众提意见 / 10 places to read Linus report · Ministry of the Environment wants public comments | Sin Chew | Klik pada tajuk berita |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10. | Kerajaan negeri gagal urus kes pencemaran toksik | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 11. | Pihak buang sisa kimia perlu dihukum | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 12. | Pencemaran: JAS selesai ambil dan rekod keterangan tiga suspek | Kosmo | Klik pada tajuk berita |
| 13. | Tiada kematian susulan kejadian pembuangan sisa toksik di Sg Kim Kim | Astro Awani | Klik pada tajuk berita |
| 14. | Cuaca panas: Kedah sedia pasukan perubatan di LIMA | Berita Harian | Klik pada tajuk berita |
| 15. | Hujan, ribut petir sehingga Khamis | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 16. | MTDC plans cooperation with 40 SMEs to achieve i4.0 standard this year | The Sun Daily | Klik pada tajuk berita |
| 17. | Johor DOE completes probe on Sungai Kim Kim pollution | Malaymail | Klik pada tajuk berita |
| 18. | 'Manusia hanya perlukan empat pasang kasut'/ Kelestarian kehidupan biodiversiti | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 3 |
| 19. | FT minister clarifies 20 sen 'pollution' charge, says traders not forced | Malaymail | Klik pada tajuk berita |
| 20. | Bencana Toksik | Utusan Malaysia | Rujuk lampiran 4 |
| 21. | 260 people stricken by malodour | New Straits Times | Rujuk lampiran 5 |
| 22. | Hukum penjenayah alam sekitar | Utusan Malaysia | Rujuk lampiran 6 |
| 23. | We're in deep waters | The Star | Rujuk lampiran 7 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24. | **TNB Research perkukuh R&D, inovasi** | Utusan Malaysia | Rujuk lampiran 8 |
| 25. | **Menteri, pembangkang jangan culas ke Parlimen** | Utusan Malaysia | Rujuk lampiran 9 |
| 26. | **13 sekolah ditutup esok / Cungapan Gelombang Ketiga** | Harian Metro | Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 10 |

**TEMPATAN**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 27. | **Kuarantin di rumah** | Harian Metro | Rujuk lampiran 11 |
| 28. | **Perlu pindah sehingga kerja pembersihan sungai selesai** | Harian Metro | Rujuk lampiran 12 |
| 29. | **汉瓦走进马来西亚 汉能与TSG签署千万美金订单 / Hanwa enters Malaysia Hanergy and TSG sign a million dollar orde** | China Daily | Klik pada tajuk berita |
| 30. | **Pencemaran: Sultan Johor murka** | Kosmo | Klik pada tajuk berita |
| 31. | **Caj 20 sen beg plastik tampung sebahagian kos peruncit - Khalid / Caj plastik 20 sen** | Berita Harian | Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 13 |
| 32. | **Hidu bau busuk dalam kelas / Sesak nafas selepas hidu bau busuk dalam kelas** | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 14 |
| 33. | **SMK Kota Masai pula tercemar** | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 34. | **Meriah mata memandang** | Harian Metro | Rujuk lampiran 15 |
| 35. | **Health Ministry Mulls Use of A.I.** | New Straits Times | Rujuk lampiran 16 |
| 36. | **Penduduk bimbang masih hidu bau gas** | Berita Harian | Rujuk lampiran 17 |
| 37. | **Bencana besar kepada Kementerian Pendidikan** | Berita Harian | Rujuk lampiran 18 |
| 38. | **475 mangsa terhidu gas metana** | Berita Harian | Rujuk lampiran 19 |
| 39. | **Perspektif berbeza pupuk minat sains** | Utusan Malaysia | Rujuk lampiran 20 |

**ANTARABANGSA**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 40. | **Study: Air pollution deaths are double earlier estimates** | Free Malaysia Today | Klik pada tajuk berita |
| 41. | **Dinding salji setinggi 12.4 meter apit sebatang jalan** | Kosmo | Rujuk lampiran 21 |
| 42. | **Shell: We can be world's largets power producer** | The Star | Rujuk lampiran 22 |
| 43. | **A.I. goes gender-neutral** | New Straits Times | Rujuk lampiran 23 |

## LAMPIRAN 1
## UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA): MUKA SURAT 46
## TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)

# Caj tampung kos pengeluaran beg plastik biodegradasi

**PUTRAJAYA 12 Mac** - Caj beg biodegradasi sebanyak 20 sen ke atas pengguna adalah untuk menampung sebahagian kos pengeluaran beg plastik berkenaan yang selama ini ditanggung oleh peniaga.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad ketika menjelaskan perkara itu berkata, semua peniaga dan peruncit dibenarkan untuk mengenakan caj 20 sen ke atas beg biodegradasi yang dibekalkan kepada pembeli bermula 15 Mac ini.

"Bagi mengelakkan daripada menanggung kos 20 sen ini, orang ramai boleh membawa beg sendiri apabila membeli-belah," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Khalid berkata demikian bagi menjelaskan kenyataannya kelmarin berhubung caj 20 sen bagi beg plastik diodegradasi itu yang digunakan oleh pengguna semasa membeli-belah.

Dalam kenyataan kelmarin, beliau memberitahu, caj pencemaran di Wilayah Persekutuan akan mula dilaksanakan pada 15 Mac ini selaras dengan *Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030*.

"Caj tersebut hanya boleh dikenakan ke atas setiap beg plastik biodegradasi, manakala tindakan penguatkuasaan diteruskan kepada peniaga dan penjaja yang masih menggunakan beg plastik konvensional," katanya.

Beliau berkata, pendekatan *polluter pays principle* ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan perubahan minda kepada seluruh rakyat Malaysia amnya dan warga Wilayah Persekutuan khususnya mengenai keperluan perbelanjaan kerajaan untuk membersihkan pencemaran sisa plastik.



Caj tersebut hanya boleh dikenakan ke atas setiap beg plastik biodegradasi, manakala tindakan penguatkuasaan diteruskan kepada peniaga dan penjaja yang masih menggunakan beg plastik konvensional."

**KHALID ABDUL SAMAD**

**LAMPIRAN 2**
**SINAR HARIAN (PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM): MUKA SURAT 12**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**

## Sedih, geram lihat keadaan mangsa: Maszlee

JOHOR BAHRU - Kementerian Pendidikan mahu mereka yang terlibat dalam kes pencemaran bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, segera dihadapkan ke muka pengadilan dan menerima hukuman setimpal.

Menterinya, Dr Maszlee Malik berkata, beliau berasa sedih dan geram selepas melihat keadaan pelajar, guru serta pekerja sekolah yang merupakan ahli keluarga Kementerian Pendidikan terlibat dalam bencana tersebut.

"Saya merasakan keselamatan murid, pekerja dan guru sekolah harus diberikan keutamaan. Saya tidak mahu lagi melihat ramai di antara murid, guru dan pekerja sekolah menjadi mangsa," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke atas mangsa yang ditempatkan di Hospital Sultan Ismail (HSI), di sini semalam.

Maszlee berkata, kementerian akan memberikan kerjasama kepada agensi terlibat dan kerajaan negeri dalam memastikan pelaku yang terlibat dihadapkan ke muka pengadilan serta menerima hukuman setimpal.

Katanya, kementerian juga meminta Jabatan Alam Sekitar (JAS), kerajaan negeri dan lain-lain agensi segera menangkap pelaku yang terbabit dalam kes pembuangan bahan kimia itu.



Maszlee pada sidang media selepas melawat mangsa, semalam.

"Kita tidak boleh lagi bertoleransi terhadap orang yang mencemarkan alam sekitar yang akhirnya menggadaikan nyawa dan juga kesihatan anak-anak kita," katanya.

Ditanya mengenai jumlah mangsa setakat petang semalam, katanya seramai lebih 200 orang terdiri daripada pelajar, guru serta pekerja sekolah ditempatkan di HSI bagi mendapatkan rawatan.

"Ada setengah daripadanya dibawa ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) iaitu seramai 42 orang," katanya.

Maszlee berkata, beliau akan mengadakan pertemuan bersama Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Daerah (JPBBD) bagi mendapatkan maklumat terkini berhubung kejadian tersebut.

Katanya, pihak kementerian juga akan mengambil nasihat daripada jawatankuasa tersebut sekiranya perlu sekolah terlibat ditutup sehingga disahkan selamat.

# Ancaman gas toksik makin serius

*Lebih 100 pelajar dari dua sekolah lagi jadi mangsa, keseluruhan 260 orang*

RAZIATUL HANUM A RAJAK@ATAN

PASIR GUDANG

FOTO:BERNAMA




Lebih 56 pelajar dari SK Tanjung Puteri Resort menjadi mangsa terbaru gas toksik dari Sungai Kim Kim.



Pelajar SK Tanjung Puteri Resort dan SMK Tanjung Puteri Resort mendapatkan rawatan semalam.

Ancaman pencemaran toksik di Sungai Kim Kim semakin membimbangkan apabila jumlah mangsa meningkat kepada lebih 260 individu semalam.

Angka tersebut disahkan oleh oleh Exco Kesihatan, Dr Sahruddin Jamal selepas beliau melawat Dewan Komuniti Taman Pasir Putih.

Kejadian terbaru semalam melibatkan dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Puteri Resort dan Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort.

"Seramai 102 pelajar adalah dari SMK Tanjung Puteri Resort dan 56 murid dari SK Tanjung Puteri Resort.

"Seramai 52 mangsa telah dihantar di ke Hospital Sultan Ismail (HSI) serta Hospital Sultanah Aminah (HSA)," katanya.

Menurutnya, mangsa turut melibatkan orang dewasa terdiri daripada penduduk sekitar kawasan Taman Tanjung Putri, Taman Pasir Putih, Jalan Lampam, Jalan Sluang, Jalan Kaloi dan Jalan Selayang.

Sementara itu, kerajaan negeri mengarahkan supaya SK Taman Pasir Putih dan SMK Taman Pasir Putih yang terjejas akibat pencemaran Sungai Kim Kim ditutup sementara.

Menteri Besar, Datuk Osman Sapian berkata, sesi pembelajaran hanya boleh diteruskan selepas keadaan dipastikan selamat kepada pelajar dan guru sekolah terlibat.

"Saya telah meminta Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Daerah agar memastikan sekolah berhampiran sungai berkenaan ditutup sementara waktu sehingga keadaan benar-benar selamat untuk pelajar dan guru meneruskan sesi pembelajaran," katanya.

Katanya, keputusan itu dibuat susulan pelajar dan guru SK Taman Pasir Putih serta SMK Taman Pasir Putih telah dikejarkan ke hospital kelmarin akibat sesak nafas.

"Saya mengambil maklum insiden yang melibatkan pelajar-pelajar di SMK Pasir Putih dan SK Pasir Putih.

"Kejadian kelmarin adalah sesuatu yang di luar jangkaan dan amat dikesali," katanya.

Kelmarin, seramai 61 pelajar dari kedua-dua buah sekolah dimasukkan ke Hospital Sultan Ismail (HSI) akibat sesak nafas sebaik sahaja sesi dibuka semula.

**JUMLAH MANGSA YANG MENDAPATKAN RAWATAN** (setakat 12 Mac 2019)

- SK Pasir Putih dan SMK Pasir Putih - 207
- SK Tanjung Puteri Resort - 56
- SMK Tanjung Puteri Resort - 102




Dr Sahruddin ketika ditemui media, semalam.

**LAMPIRAN 3**
**SINAR HARIAN (WACANA SINAR): MUKA SURAT 7**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**

# Kelestarian kehidupan biodiversiti

Perubahan iklim yang kian mencengkam bumi kini benarkah bakal memberi impak kepada ketamadunan manusia dan bumi? Oleh itu, bagi melihat sejauh mana perubahan dan kesannya, Wacana Sinar Harian ke-93 telah menampilkan tiga panel bagi membincangkan mengenai perkara itu.

Dengan judul Perubahan Iklim dan Kehilangan Biodiversiti: Terjejaskah Rakyat?, Sinar Harian menampilkan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Prof Madya Dr Ramzah Dambul; Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim dan Pengarah Pemuliharaan WWF Malaysia, Dr Henry Chan. Ikuti ulasan mereka.



Dari kanan: Henry, Abdul Kadir, Ramzah dan moderator, Amin Idris pada sesi wacana, semalam.

**Badak Jawa telah pupus pada 1932**
- Kali terakhir ia ditemui di Semenanjung Malaysia pada tahun berkenaan, namun mati setelah ditembak oleh penjajah British. Profilnya telah dibawa ke muzium London.

**Haiwan yang terancam di Malaysia**
- Tenggiling, Harimau Belang, Badak Sumatera.
- Badak Sumatera terakhir dapat dikesan tapak kakinya 10 tahun lepas, sementara spesies burung yang telah pupus adalah Burung Merak Hijau, Sementara tiga tumbuhan yang telah pupus iaitu pokok asam batu dan dua jenis paku pakis.

**PENGARAH** Pemuliharaan WWF Malaysia, Dr Henry Chan berkata, istilah biodiversiti merupakan gabungan dua perkataan iaitu perkataan biologi dan diversiti.

Katanya, jika diperhalusi maknanya secara umum ia membawa maksud kepelbagaian dalam kehidupan.

"Jika diperhalusi lebih mendalam biodiversiti adalah keterangkuman tiga perkara asas iaitu pertama adalah kepelbagaian dalam sesuatu spesies, contohnya seperti harimau, yang kedua adalah kepelbagaian antara spesies, contohnya kita ada harimau dan harimau bintang.

"Ketiga adalah gabungan kesemua kepelbagaian ini dalam sistem yang berbeza seperti lautan dan hutan belantara.

"Menurut laporan 'bumi yang hidup' yang menilai perubahan alam menyatakan bahawa sejak 40 tahun dahulu banyak spesies telah pupus dan populasi haiwan bertulang belakang telah berkurangan sebanyak 60 peratus.

"Maka kita kena kekalkan hutan kita sebanyak 50 peratus untuk menjamin kelestarian kehidupan biodiversiti dan kelestarian kita," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim menyentuh mengenai situasi alam biodiversiti di negara ini, katanya, ia jelas berlaku banyak perubahan.

Katanya, beberapa haiwan telah pupus di Malaysia sejak puluhan tahun lalu.

"Kita bahagikan kepada beberapa kumpulan, yang pertama mamalia, burung dan tumbuhan, dan secara keseluruhan dari segi mamalia setakat ini yang pupus di Semenanjung Malaysia adalah spesies Badak Jawa, spesies badak ini kita ada dua jenis iaitu Badak Jawa dan Badak Sumatera.

"Spesies terakhir Badak Jawa ini kita ada pada 1932 dan itulah Badak Jawa terakhir yang mati ditembak oleh British ketika itu dan profil ia ada di muzium di London, itu yang telah pupus yang kedua yang terancam, ini kalau kita tak jaga betul-betul ia akan pupus macam Badak Jawa, yang pertama tenggiling, Harimau Belang dan juga Badak Sumatera dan juga Banting.

"Badak Sumatera terakhir dikesan tapak kakinya 10 tahun lalu, sementara Banting sudah pupus, spesies burung adalah Burung Merak Hijau sudah pupus, sementara tiga tumbuhan telah pupus iaitu pokok asam batu dan dua jenis paku pakis," katanya.

## Perubahan iklim berpunca daripada tindakan manusia terdahulu

**SHAH ALAM** - Perubahan iklim yang berlaku kepada dunia hari ini berpunca daripada tindakan manusia pada masa lalu.

Timbalan Ketua Setiausaha (Sains, Teknologi dan Inovasi) Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Prof Madya Dr Ramzah Dambul berkata, perubahan iklim sekiranya mahu dikembalikan kepada asal, ia perlu mengambil masa kira-kira 100 tahun.

> *"Maknanya perubahan iklim pada hari ini telah berubah disebabkan oleh perbuatan tidak bermoral kita kira-kira 50 tahun dahulu."*
> \- Ramzah

"Maknanya perubahan iklim pada hari ini berubah disebabkan perbuatan tidak bermoral kita kira-kira 50 tahun dahulu yang beri kesan pada hari ini.

Kalau hari ini kita berhenti mencemarkan udara atau sifar pencemaran, maka iklim tidak akan kembali dengan segera, sebaliknya kembali kepada asal kira-kira 100 tahun akan datang. Perubahan iklim telah berlaku dan akan terus berlaku tanpa kita tahu.

Walaupun kita menyekat daripada lakukan pencemaran tetapi negara lain masih teruskan pencemaran ini, ia akan tetap berlaku. Saya fikir kita mesti ada inisiatif jangka panjang bagaimana kita adaptasi dengan perubahan yang ada.

Saya beri satu contoh pada masa akan datang, kita tahu suhu bumi akan terus meningkat dalam tempoh 30 tahun. Kemarau panjang akan jadi kerap di Malaysia dan akibat daripada itu, tanaman lazim seperti padi dan kelapa sawit tidak akan rintang kepada iklim itu dan kesannya adalah produktiviti akan menurun.

Jadi, kalau kita tidak boleh menghalang perubahan itu kerana faktor kesukaran, apa yang boleh kita lakukan adalah bersedia dengan perubahan itu. Apa boleh kita boleh buat adalah menjalankan usaha-usaha tertentu untuk mencari spesis-spesis tanaman bagi makanan rintang kepada keadaan iklim yang telah kita jangka pada 30 tahun akan datang.



Antara hadirin yang datang pada wacana, semalam.

Banyak perkara yang boleh kita buat untuk memelihara alam sekitar antaranya gaya hidup hijau. Sebagai contoh kita kurangkan penggunaan tenaga, beli barang berdekatan sekitar kita sebenarnya telah kurangkan pergerakan dan penggunaan tenaga juga kurang.

Begitu juga daripada segi keperluan kita. Sebenarnya kita hanya perlukan empat pasang kasut dalam satu-satu masa. Sesiapa ada lebih empat pasang kasut, anda adalah penyumbang kepada pencemaran alam sekitar.

Bila perlukan lebih daripada itu, sebenarnya kita beri tekanan kepada kilang untuk hasilkan apa yang diperlukan manusia. Bila ia berlaku, industri hasilkan pencemaran lebih daripada yang sepatutnya. Bayangkan setiap kita ada lebih daripada yang diperlukan, penduduk bumi ada berapa? Sebenarnya kita penyumbang kepada kesan alam.

Sebenarnya dalam isu perubahan iklim, kita selalu dengar tentang pemanasan global dan perubahan iklim ini dua perkara berbeza tetapi berkait.

Apabila udara berubah jadi panas, maka ia menyebabkan gangguan keseimbangan semulajadi di bumi, di mana berlaku pergerakan udara pada skala besar di seluruh dunia seperti di Lautan Pasifik ke daratan.

Sebenarnya perubahan pergerakan udara ini disebabkan oleh rosaknya imbangan tekanan itu yang mengubah iklim kita.

Misalnya hujan di tempat tak sepatutnya banyak hujan, maksudnya biodiversiti tidak biasa adaptasi dengan keadaan itu dan ia membunuh.

Begitu juga dengan kawasan kering apabila perubahan iklim ini berlaku kawasan makin menjadi kering, maka beri tekanan kepada hidupan di sana," katanya.

# LAMPIRAN 4
# UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT DEPAN
# TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)

● Pencemaran merebak ● Sultan Johor murka

# BENCANA TOKSIK

» Pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang semakin buruk apabila 260 lagi mengadu pening, sesak nafas.

» Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri aktifkan jawatankuasa kerja bagi menyelaras dan pantau kejadian itu.

» Sebanyak 13 buah sekolah termasuk dua sekolah agama diarah tutup.

» Sultan Johor turut murka, gesa tangkap dan hukum segera pelakunya.

BERITA PENUH DI MUKA 6

"Saya amat sedih melihat ramai yang merana akibat tindakan mereka yang tidak berperikemanusiaan."

SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR



PASUKAN perubatan memberi rawatan kepada pelajar yang mengalami masalah kesihatan ekoran pencemaran toksik di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/ NUR AISYAH MAZALAN



KENYATAAN MENGHASUT

## Polis akan panggil Guan Eng

»9

## Dasar penswastaan kurangkan penjawat awam

- Tun Dr. Mahathir Mohamad bimbang jumlah 1.7 juta penjawat awam yang terlalu ramai beri implikasi kewangan dan rencatkan pembangunan negara.
- Perdana Menteri bayangkan Dasar Penswastaan dilaksanakan semula sebagai strategi atasi masalah itu.

BERITA PENUH DI MUKA 2



**LAMPIRAN 4 (SAMB.)**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 6**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**

Isu pencemaran toksik di Sungai Kim Kim

# Sultan Johor murka, kesal

**Oleh NURUL HUDA HASSAN**
pengarang@utusan.com.my

■ **JOHOR BAHRU 12 MAC**

SULTAN Johor murka dan kesal terhadap mereka yang didapati terlibat dalam kes pembuangan bahan toksik ke dalam Sungai Kim Kim di Pasir Gudang sehingga memberi kesan buruk kepada pelajar sekolah serta orang awam.

Sehubungan itu, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah pihak berkuasa hendaklah melakukan siasatan secara menyeluruh terhadap insiden itu sekali gus menggesa semua pihak berkuasa kerajaan untuk segera menangkap dan menghukum pelakunya.



SULTAN IBRAHIM

Pada masa sama, Sultan Ibrahim melahirkan penghargaan terhadap pasukan perubatan yang bertungkus-lumus memberikan rawatan kepada mereka yang dimasukkan ke Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini.

"Disebabkan perbuatan pihak tidak bertanggungjawab, ratusan orang termasuk murid serta pelajar sekolah terpaksa dikejarkan ke hospital bagi mendapatkan rawatan susulan. Malah ada yang bertarung nyawa dalam ICU!

"Saya berasa amat sedih apabila melihat ramai yang merana akibat tindakan mereka yang tidak berperikemanusiaan. Bukan sahaja kanak-kanak tetapi juga orang dewasa yang hanya melakukan tugas seperti pemandu ambulans, pekerja kantin sekolah.

"Ini adalah rakyat saya dan saya tidak akan membenarkan perkara ini melarat," titah baginda menerusi Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar di sini hari ini.

Baginda bertitah menasihatkan orang ramai khususnya penduduk di sekitar kawasan kejadian supaya sentiasa berhati-hati dan segera mendapatkan rawatan jika berasa kurang sihat.

Titah Sultan Ibrahim, sekolah juga tidak harus dibuka selagi keadaan tidak benar-benar selamat untuk pelajar dan guru, pada masa sama, kurangkan seberapa banyak pergerakan di luar.

# 469 mangsa pencemaran toksik setakat ini

**PASIR GUDANG 12 Mac** - Situasi pencemaran bahan toksik di Sungai Kim Kim di sini sejak Khamis lalu bertambah buruk apabila gelombang kedua melanda sekali gus meningkatkan jumlah mangsa.

Seramai 260 mangsa terbaharu setakat ini melibatkan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Puteri Resort, Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort dan orang awam.

Mereka mendapat rawatan awal di Dewan Serbaguna Taman Pasir Putih di sini sejak pukul 10 pagi dan bagi kes yang kritikal dirujuk ke Hospital Sultan Ismail (HSI) di Johor Bahru.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di dewan itu mendapati situasi cemas, panik serta kelam-kabut dan kira-kira 100 anggota bomba, polis, petugas perubatan dan guru memberi bantuan kecemasan.

Mangsa sebelum itu pengsan, muntah serta pening kepala sekali gus menjadikan bilangan terkini mangsa pencemaran toksik sejak Khamis lalu berjumlah 469 orang keseluruhannya.



SUASANA sesak, panik dan kelam-kabut di tempat mangsa menerima rawatan awal akibat pencemaran bahan kimia dari Sungai Kim Kim di Dewan Serbaguna Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, Johor, semalam.

Seorang ibu kepada pelajar yang pengsan, **Zuraidah Sibok**, 45, berkata, anaknya merupakan pelajar pertama dari sekolah tersebut yang dihantar untuk menerima rawatan kecemasan.

"Rumah saya berdekatan sekolah dan saya sejak pagi tadi tidak sedap hati kerana bunyi ambulans kerap lalu depan rumah menuju ke sekolah.

"Apabila suami saya ke sekolah, dimaklumkan anak saya, Nurulmaizura Azimah Mansor, 14, dihantar ke dewan serbaguna itu untuk rawatan kecemasan," katanya ketika ditemui pemberita di dewan tersebut hari ini.

Seorang lagi ibu mangsa, **Noratikah Daud**, 47, berkata, anaknya, Affza Balqus Ahmad Sahrel, 14, turut pengsan semasa di sekolah.

"Apabila suami saya ke sekolah anak saya sudah tidak ada di sana, kemudian apabila ke dewan serbaguna juga tidak ada, saya tidak tahu di mana anak saya berada atau di mana dia dirawat," katanya.

# Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri diaktifkan

**JOHOR BAHRU 12 Mac** - Kerajaan negeri hari ini melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mengaktifkan jawatankuasa kerja bagi menangani kejadian pembuangan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sahruddin Jamal berkata, tujuan pengaktifan jawatankuasa kerja itu adalah untuk menyelaraskan dan memantau kejadian tumpahan bahan toksik yang berlaku.

"Mesyuarat Pengaktifan Jawatankuasa Kerja ini telah diadakan pada hari ini dan memutuskan beberapa perkara iaitu bersetuju melantik kontraktor yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi kerja-kerja pembersihan di Sungai Kim Kim sepanjang 1.5 kilometer.

"Ini akan di selaraskan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan JAS negeri. Ini adalah lanjutan daripada kerja-kerja pembersihan yang dilakukan pada 7 dan 8 Mac lalu," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sehubungan itu, katanya, orang awam dinasihatkan supaya tidak memasuki kawasan di lokasi tempat kerja-kerja pembersihan yang akan dilaksanakan.

Katanya, menerusi mesyuarat juga bersetuju supaya Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Jabatan Pendidikan Agama Negeri Johor untuk menutup 13 sekolah sehingga satu tarikh yang akan di tetapkan.

Ditutup mulai esok ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih; Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Pasir Putih; SK Tanjung Puteri Resort; SMK Tanjung Puteri Resort; SK Kota Masai 2; SMK Kota Masai 2; SK Kota Masai 3; SMK Kota Masai2; SK Kota Masai; SK Perigi Acheh; Sekolah Agama Kampung Pasir Putih dan Sekolah Agama Taman Pasir Putih.

## Dua kilang ditutup serta-merta

**JOHOR BAHRU 12 Mac** - Dua buah kilang yang diperiksa Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri dan pihak berkuasa di sini dan sebuah lagi di Kulai sudah diarahkan ditutup serta-merta.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sahruddin Jamal berkata, sebuah kilang memproses barangan lusuh di sini ditutup semalam manakala kilang memproses bahan kimia di Kulai ditutup kelmarin.



DR. SAHRUDDIN

"Penutupan kedua-dua kilang tersebut adalah untuk sementara sehingga siasatan selesai," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, tiga lelaki terdiri daripada dua pemilik kilang dan seorang pekerja ditahan selepas disyaki terlibat dengan insiden pembuangan bahan kimia di Sungai Kim Kim pada Khamis lalu. Ketiga-tiga suspek berusia antara 40-an hingga 50-an itu ditahan dalam dua serbuan berasingan di Kulai dan di Taman Pasir Putih di sini.

Sementara itu, Pengarah JAS negeri, Datuk Dr. Mohammad Ezzani Mat Salleh berkata, pihaknya sudah selesai mengambil dan merekodkan keterangan daripada tiga suspek yang disyaki terlibat dalam kes pembuangan sisa kimia di Sungai Sim Sim.

Mohammad Ezzani berkata, ketiga-tiga suspek yang ditahan petang kelmarin dan tengah hari semalam masing-masing berusia antara 40 hingga 50 tahun.

"Hari ini kita telah selesai mengambil dan merekodkan keterangan ketiga-tiga suspek. Suspek terdiri daripada pemilik sebuah kilang kimia, kilang barang lusuh dan pekerjanya," katanya.

**LAMPIRAN 5**
**NEW STRAITS TIMES (NEWS/NATION): MUKA SURAT 7**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**

'CARRIED BY WINDS'

# 260 PEOPLE STRICKEN BY MALODOUR

## Schoolchildren, members of the public suffered breathing problems, nausea and vomiting

**JOHOR BARU**

A TOTAL of 260 people suffering from shortness of breath, nausea and vomiting, were treated at the Taman Pasir Putih Community Hall in Pasir Gudang here yesterday.

State Health, Environment and Agriculture Committee chairman Dr Sahruddin Jamal said the victims were schoolchildren from SK Tanjung Puteri Resort and SMK Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang, and members of the public.

Sahruddin, who spent about 15 minutes visiting the victims at the hall, however, declined to comment on the incident.

Earlier, SK Tanjung Puteri Resort and SMK Tanjung Puteri Resort schoolchildren experienced breathlessness, nausea and vomiting when they were at the schools' compounds.

The symptoms were similar to those suffered by the schoolchildren of SK Taman Pasir Putih and SMK Pasir Putih that have since been closed until further notice after they were reopened briefly on Monday.

Sahruddin was accompanied by Johor Fire and Rescue Department director Datuk Yahaya Madis, Johor Deputy Police Chief Datuk Mohd Kamarudin Md Din and Johor Health director Dr Selahuddeen Abd Aziz.

However they refused to issue any statement.

Meanwhile, SK Tanjung Puteri Resort headmaster Mohd Asri Abdul Kadir attributed the incident to winds which carried with it an odour.

He said it was a clear, fresh morning and lessons were in progress until 9.45am when some of the pupils complained of having breathing difficulties, nausea and vomiting.

"I believe the malodour spread to the school, causing the pupils to fall ill."

He added that though unwell, none of the school's 857 pupils fainted.

Asri instructed them to gather at the assembly area.

Schoolchildren who suffered from the symptoms were taken to the Taman Pasir Putih Community Hall where health officials were called in to examine them and provide treatment from 10am to 11.30am.

He said that after the incident, Department of Environment officials came to the school to check on its air quality. There was no pollution and at the same time confirmed that the incident could be as result of sudden wind conditions.

"Firefighters and rescue personnel ordered the closure of the school.

"They instructed the school's staff and pupils to return home at 11.15am," he said.

Meanwhile, SMK Tanjung Puteri Resort student Alya Mahirah Ahmad Syirajudin, 15, who sought treatment at the community hall said she smelt an unpleasant odour about 9am.

The smell had caused her and her friends to have breathing difficulties.

Her schoolmate, Adiputra Rosli, 13, said he felt nauseous while walking home earlier yesterday after the authorities ordered the school closed.

He was taken in an ambulance to the community hall where he was treated. **Bernama**





*SMK Tanjung Puteri Resort students being treated at the Taman Pasir Putih Community Hall in Pasir Gudang yesterday. (Inset) A SK Tanjung Puteri Resort pupil receiving first aid after she suffered breathing difficulties.* BERNAMA PIX

# Minister praises ambulance driver for saving 30 kids



*Dr Lee Boon Chye*

**KUALA LUMPUR:** The ambulance driver, who risked his own life saving some 30 students nauseated by an asphyxiant gas near two schools in Pasir Gudang on March 7, has been praised by Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye.

Dr Lee wished Mohd Fariz Anuar a speedy recovery after the latter was hospitalised.

Dr Lee said his ministry was monitoring the victims affected by the gas to ensure their quick recovery.

On March 7, 21 schoolchildren were hospitalised after inhaling methane, which was dumped into a river near their schools.

The victims included 12 from SMK Pasir Putih and nine from SK Pasir Putih.

A canteen operator, a teacher and Fariz were warded.

Six were in intensive care, including Fariz.

The situation worsened on Sunday as the asphyxiant gas forced dozens more people to seek treatment at hospitals.

The number of victims suffering from breathing difficulties and vomiting from exposure to the chemical pollution has risen to 260.

**LAMPIRAN 6**
**UTUSAN MALAYSIA (RENCANA): MUKA SURAT 16**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**

# Hukum penjenayah alam sekitar



Salleh Buang

MINGGU lalu, *Utusan Malaysia* keluaran Jumaat 8 Mac 2019 di bawah tajuk *Buang toksik dalam sungai* menceritakan perbuatan jenayah pembuangan sisa kimia toksik ke Sungai Kim Kim (dekat Pasir Gudang, Johor) menyebabkan mangsa yang terhidu bahan buangan itu sesak nafas, muntah dan ada yang terus pengsan.

Akhbar itu selanjutnya melaporkan enam mangsa yang terhidu gas toksik tersebut terpaksa diberi rawatan rapi untuk membersihkan paru-paru daripada gas toksik itu.

Mengikut Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, mangsa berkenaan ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultan Ismail (HSI), Johor Bahru, dan kini berada dalam keadaan stabil.

Dr. Noor Hisham menambah bahawa 30 mangsa masih ditempatkan dalam wad biasa di hospital itu manakala tiga orang sudah dibenarkan pulang. Kesemua mangsa didapati stabil, namun tahap pernafasan masih perlu dipantau bagi melihat sebarang kesan keracunan gas.

Timbalan Ketua Zon 1, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Lokman Hakim Sulaiman menjelaskan, Pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) bersama lapan anggotanya telah bergerak ke lokasi kejadian sebaik saja menerima panggilan mengenainya. Hasil siasatan menunjukkan bahan kimia dan gas adalah jenis metana.

## KEJADIAN TERBURUK

JBPM Johor terpaksa menggunakan peralatan penyerap minyak (*oil boom*) untuk mengelakkan bahan kimia itu merebak ke kawasan sekeliling. Pengarah JBPM Johor, Datuk Yahaya Madis kemudian menjelaskan bahawa HAZMAT telah mengambil sampel air, sampel tanah tempat tumpahan dibuang dan sampel air di laluan sungai untuk dianalisis di makmal forensik jabatan.

Mengikut Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, terdapat 30 kilang di sekitar kawasan itu (Pasir Gudang, Tanjung Langsat dan Kawasan Perindustrian Tebrau) yang 'dipercayai terbabit' dalam jenayah pembuangan sisa kimia secara haram ke Sungai Kim Kim.

Bagi Zulkifly Kassim, yang telah menetap di Kampung Bukit Pulai itu selama 15 tahun, beliau sudah lali dengan hal keadaan pencemaran di Sungai Kim Kim itu. Bezanya pada kali ini ia merupakan kejadian terburuk.

Zulkifly memberitahu wartawan bahawa sewaktu dia mula menetap di situ, air sungainya jernih dan ada banyak hidupan air yang menjadi punca pencarian penduduk setempat. Malangnya, apabila kawasan perindustrian mula membangun di kawasan ini, kualiti air menjadi teruk dan sungai mulai mati.



SUNGAI Kim Kim di Kampung Bukit Pulai, Johor sering dicemari pelbagai bahan kimia sejak beberapa tahun lalu. – UTUSAN/ NUR AISYAH MAZALAN

> "Kita tahu apa yang berlaku di kampung dekat Pasir Gudang ini berlaku juga di tempat-tempat lain di seluruh negara. Kita sudah biasa melihat alam sekitar anugerah Ilahi terus musnah, air sungai terus tercemar dan sungai akhirnya mati apabila industri ditempatkan di kawasan kampung atau berhampiran dengannya.

Kita tahu apa yang berlaku di kampung dekat Pasir Gudang ini berlaku juga di tempat lain di seluruh negara.

Kita sudah biasa melihat alam sekitar anugerah Ilahi terus musnah, air sungai terus tercemar dan sungai akhirnya mati apabila industri ditempatkan di kawasan kampung atau berhampiran dengannya.

## UNDANG-UNDANG LEMAH?

Kita juga merasakan betapa lemahnya undang-undang alam sekitar, peruntukannya tidak diperkasakan, penguatkuasaannya tidak konsisten. Pihak berkuasa negeri (PBN) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) pula nampaknya bersikap lebih mesra industri dan mesra perniagaan dari mesra alam sekitar, seolah-olah tidak mempedulikan kepentingan masa depan orang kampung.

Istilah 'jenayah alam sekitar' merangkumi pelbagai aktiviti seperti pembuangan sampah (di darat, air, sungai, laut), sisa (kimia dan bahan toksik), minyak, pemusnahan tanah lembap (*wetlands*), pencemaran bawah tanah dan pembakaran.

Hukuman yang boleh dikenakan di bawah Seksyen 22(3) Akta Alam Sekitar 1974 (Akta 127) iaitu kesalahan melakukan pencemaran atmosfera adalah denda RM150,00, penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali dan denda RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu dilakukan.

> "Misalnya, di New South Wales Australia, Mahkamah Tanah dan Alam Sekitar *(Land and Environment Court)* diberi pilihan mengenakan hukuman yang setimpal terhadap penjenayah alam sekitar di negara itu.

Hukuman yang sama dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen 25(3), iaitu kesalahan melakukan pencemaran kepada sungai (*pollution of inland waters*).

## PENJARA MANDATORI?

Persoalan yang biasa ditanya dalam kalangan pengamal undang-undang adalah sama ada pesalah jenayah alam sekitar wajar dikenakan hukuman penjara mandatori? Beberapa tahun lalu ada satu kes pencemaran sungai yang amat teruk berlaku di Melaka.

Walaupun mahkamah dalam kes itu ada menyatakan (selepas mensabitkan tertuduh membuang sisa kilangnya ke sebatang sungai hingga menyebabkan sungai itu mati) bahawa kes ini adalah satu kes yang serius, ia masih keberatan memenjarakan pemilik kilang, sebaliknya mengenakan hukuman denda sahaja.

Di beberapa negara luar, hukuman yang boleh dikenakan oleh mahkamah kepada penjenayah alam sekitar termasuklah memerintahkan pesalah untuk melaksanakan tugas jangka panjang seperti memulihkan keadaan sungai yang sudah musnah hingga ia boleh kembali dalam keadaaan asalnya.

Hukuman ini dipanggil oleh pakar undang-undang sebagai *restorative justice* atau *reparative justice*. Misalnya, di New South Wales Australia, Mahkamah Tanah dan Alam Sekitar (*Land and Environment Court*) diberi pilihan mengenakan hukuman yang setimpal terhadap penjenayah alam sekitar di negara itu.

Di bawah seksyen 250 Akta POEO (*Protection of the Environment Operations Act 1997 NSW*), mahkamah boleh memerintahkan pesalah melakukan pemulihan, pembayaran kos, penyerahan balik segala keuntungan atau hasil dari kesalahan yang dilakukan, melaksanakan apa-apa projek pemulihan atau penambahbaikan yang ditetapkan oleh mahkamah.

Atau memasukkan sejumlah wang ke dalam satu akaun amanah bagi maksud melaksanakan projek pemulihan ditetapkan.

Di bawah seksyen 253A(1A) akta sama, sebagai alternatif kepada hukuman yang disebutkan di atas itu tadi, pesalah boleh diberi pilihan untuk membuat akujanji (*undertaking*) kepada mahkamah bahawa ia (pesalah) akan melaksanakan satu aktiviti pemulihan (*restorative justice activity*) di masa depan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Andainya satu undang-undang seumpama yang ada di New South Wales itu dapat diwujudkan di negara ini, mana-mana pemilik kilang yang sabit kesalahannya mencemarkan dan memusnahkan mana-mana sungai negara kita ini boleh (selain dikenakan denda atau penjara) diperintahkan oleh mahkamah untuk melaksana aktiviti pemulihan.

Mereka juga boleh diperintahkan menyerahkan kepada mahkamah segala keuntungan atau hasil yang diperoleh daripada aktiviti haram mereka yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar kita.

**DATUK SALLEH BUANG** ialah bekas Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara dan bekas Profesor Tamu di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Skudai, Johor.

**LAMPIRAN 7**
**THE STAR (NATION): MUKA SURAT DEPAN**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**

# We're in deep waters

Up north, the water shortage has become so dire that taps in some 20,000 households have run dry. Down south in Johor, Sungai Kim Kim is taking with it toxic fumes to the sea – and along its path has sent hundreds, mostly students, to hospitals.

**> See reports on pages 4 & 5**





**Water woes:** Ibrahim Zawawi Ismail, 69, has to use water from a nearby drain to water his vegetable shoots in Kampung Kok Pasir in Tumpat, Kelantan, as the dry spell continues. (Inset) Toxic fume victims from Tanjung Puteri Resort schools await medical attention in Pasir Gudang. **— ABDUL RAHMAN EMBONG/The Star & Bernama**

**LAMPIRAN 7 (SAMB.)**
**THE STAR (NATION): MUKA SURAT 4**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**

# Kedah first to feel the heat



**Dry spell:** Water levels at the Air Itam dam are worryingly low.

## SOS put out as 20,000 people left without water




By RAZAK AHMAD
and ARNOLD LOH
newsdesk@thestar.com.my



**Hot wheels:** Despite the scorching heat enforcers of the bicycle patrol unit of Penang Island City Council are still on the beat in George Town.

**PETALING JAYA:** The taps have run dry for 20,000 people in Kedah, the first state hit by water supply cuts due to the scorching heat and lack of rain in many parts of the country.

Following the disruption, the Water, Land and Natural Resources Ministry has urged state governments to keep a watchful eye on their water supply as 16 areas, mostly in northern Peninsular Malaysia, are now on heatwave alert.

"The ministry requests that state governments and water concessionaires in all states closely monitor the water supply in the dams and rivers that supply raw water to treatment plants.

"This is to ensure that early action can be taken to handle any possibility of water supply disruptions occurring," the National Water Services Commission said in a statement.

The commission said there is inadequate supply to the Tupah water treatment plant due to prolonged dry weather and lack of rain, especially in Merbok, Kedah.

This has led to supply cuts to water users in Semeling, Merbok, Singkir, Tanjung Dawai and their surrounding areas, causing the Kedah water authority to put out an SOS.

Water tankers, including some from Penang, Melaka, Negri Sembilan, Terengganu and Selangor, have been sent to Kedah by the ministry to supply water to people in affected areas, the statement said.

"The Tupah water treatment plant has dried up. Merbok and Tanjung Dawai folk have no more piped water and we need more tankers to send water to more than 20,000 people," said a Kedah government source.

The Tupah plant in Bedong relies on the Gunung Jerai forest as a catchment area, which is close to Sungai Petani and is more than 70km away from the Ulu Muda catchment area.

The source said Kedah began water rationing in several areas since mid-February.

"We are still producing water from Ulu Muda in the north, but there is not enough to go around. The taps run dry before the water can reach the coastal plains far away," said the source.

According to the Malaysian Meteorological Department's (MetMalaysia) January drought monitoring report, Langkawi took top position with 26 days without a drop of rain.

The number of areas placed on Category 1 or heatwave alert has meanwhile risen from three on Saturday to 10 on Monday and up to 16 yesterday.

As of yesterday the areas under heatwave alert were Chuping in Perlis; Kota Setar, Sik and Baling (Kedah); Hulu Perak and Kuala Kangsar (Perak); Tanah Merah, Jeli, Kuala Krai and Gua Musang (Kelantan); as well as Jerantut, Raub, Temerloh, Bentong, Maran and Pekan (Pahang).

According to the MetMalaysia, a Category 1 or heatwave alert is issued when temperatures are between 35°C and 37°C for three consecutive days.

Category 2 is when temperatures rise above 37°C for three days straight.

When this happens, the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry is empowered to officially declare a heatwave in that area.

This is to enable the relevant authorities to take follow-up action, such as the closing of schools.

When an area hits Category 3 (temperatures above 40°C for three days in a row), the National Disaster Management Agency will be notified and the Prime Minister can declare an emergency.

In Tumpat, Kelantan, padi farmers are using water pumps to irrigate their padi fields due to the dry weather, Bernama reported.

"Farmers have to wait their turn to use the pump to ensure that water fills all sections of their padi fields in order to protect their crops," farmer Mohd Anuar Hassan, 42, said.

Rubber tappers in the state are meanwhile seeing a drop in their earnings as the hot weather is causing their trees to shed leaves, reducing the amount of latex collected.

"Currently a tree can only produce between 1kg and 3kg of latex per day compared to up to 5kg previously. In addition, the current low prices for latex makes things worse for us," the chairman of the Tanah Merah Rubber Tappers and Smallholders Action Group Izani Zakaria told Bernama.

# Air-conditioners and service men in 'hot' demand

**GEORGE TOWN:** The intense heat, coupled with continuous dry days, has not only brought increased sales in air-conditioners but also calls to service them.

One such company that experienced this is electrical appliance store SenQ.

Jimmy Khor, who manages its outlet at Queensbay Mall in Bayan Lepas, said the hot dry spell, which started since Chinese New Year last month, has helped it to push more air-conditioners as well as kept its service teams very busy.

"We received 30% more calls from our regular customers this period to service their heavily used air-conditioners," he said.

He noted that the energy-saving units were particularly popular as sales had soared by 20% since the company last had its sale during the Chinese New Year season.

Their technicians, Khor added, had been kept busy changing or cleaning filters and reloading the units with gas.

"Since last month, we have had to outsource the service to deal with the increase in service calls from our customers.

"We have four teams stationed on the island but sometimes have to source technicians from other companies due to the high demand," he said.

It's the same situation over at TAC Cooling Engineering in Gelugor.

Its human resources manager Kelly Tan said they received more requests than usual from customers for maintenance services.

"Usage must have gotten more intense because of the hot weather," she said.

Tan said there should be no problem leaving the air-conditioner on for the entire day but when it was turned on and off often, it would lead to a need for frequent maintenance.

"We noticed that calls for services have gone up by 10% since last month," she said.

# Penangites enjoy brief respite from the heat

**GEORGE TOWN:** A cool pre-dawn breeze blew across Penang giving local folk a great start to the day.

Those driving to work in some parts yesterday got a free car wash from a heavy downpour, a much-needed respite from the hot and humid weather over the past few days.

Malaysian Meteorological Department's satellite data showed two thick cloud formations in the north and south ends of the Straits of Malacca, giving Johor and Penang welcome precipitation.

But this is only a temporary respite as the hot and dry weather is expected to resume until the inter-monsoon period kicks in next month.

Penang Water Supply Corporation chief executive officer Datuk Jaseni Maidinsa called on Penangites to continue thinking twice before washing cars or watering the lawn for now.

"On Thursday, I issued an alert for Penangites to save water but two days later, it rained heavily. We did not carry out any cloud seeding. But the rain won't last so everyone needs to save water," Jaseni said.

He said though the bouts of rain did not fill the state's dams, at least it helped slow the draw down of the reserves.

Although MetMalaysia has been issuing high temperature warnings just below the heatwave alert level in many parts of Pahang, Kedah and Perlis, it also started to send out thunderstorm warnings since Sunday for Sabah, Sarawak, Johor, Melaka, Negri Sembilan, Selangor, Perak and Penang.

**LAMPIRAN 7 (SAMB.)**
**THE STAR (NATION): MUKA SURAT 5**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**

# All for the sake of schoolchildren

## Fariz puts his life on the line for 30 kids

Reports by MOHD FARHAAN SHAH, NELSON BENJAMIN and REMAR NORDIN
newsdesk@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Ambulance driver Mohd Fariz Anuar put his life on the line when he went to the aid of about 30 schoolchildren affected by toxic gas from Sungai Kim Kim.

The 44-year-old ended up in Sultan Ismail Hospital's intensive care unit last Thursday, where he lay unconscious for two days, with his wife, Hanisah Alias, 45, waiting patiently by his side.

When he woke up on Saturday, it was the students that were on his mind.

"The first few words that came out from him were to ask if those children were safe. He also asked about our children.

"I told him that he did a wonderful job rescuing all those children and asked him to rest," said Hanisah, when met by reporters yesterday.

She is grateful that her husband's condition has improved, although he still depends on a breathing apparatus.

Hanisah said Fariz, who has been an ambulance driver for the past 10 years, had always been dedicated to his work and took pride in helping those in need.

"When I called him on the day of the incident, he told me he needed to go to the school as the children there were sick.

"I told him to take care of himself.

"My husband assured me that everything would be all right and told me he would call me in the afternoon.

"But he never did," she recalled, adding that she was informed by the hospital that Fariz was in a coma.

She added that the doctors had put Fariz under observation but she was hopeful that he would be discharged soon.

It was reported that chemical waste dumped in Sungai Kim Kim on March 7 caused many victims, including students, to seek medical treatment due to the toxic fumes.



**Royal visit:** Permaisuri Johor Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah (centre) visiting Fariz, who is in the intensive care unit, at Sultan Ismail Hospital in Johor Baru. Looking on is his wife Hanisah (right).

# Illegal dumping turns into a big disaster

**PASIR GUDANG:** What started as a convenient dumping of chemicals beneath a bridge in Kota Masai has turned into a disaster with almost 500 people, mainly children, treated for respiratory ailments.

The chemicals, believed to contain heavy metal used to dissolve metal at a scrapyard and a chemical factory in Kulai, were discharged into Sungai Kim Kim about a week ago.

Since then, there have been three waves of air pollution as the chemicals got washed downstream towards the Straits of Johor.

It is learnt that there are at least seven schools located along the river.

The latest incident occurred yesterday where 260 people, including students from the two Tanjung Puteri Resort schools, were rushed to hospital with breathing difficulties.

Three people were arrested on Sunday and Monday in connection with the case.

Fishermen in the area are claiming that the thick sludge in the water is causing their boat engines to fail and they have to row their boats out to sea.

> "The number of pupils suffering from dizziness, nausea and vomiting increased gradually. They were rushed to the Taman Pasir Putih Community Hall for treatment."
>
> **Mohd Asri Abdul Kadir**

Meanwhile, state Health, Environment and Agriculture Committee chairman Dr Sahruddin Jamal said that the matter was getting from bad to worse.

It is learnt that the National Disaster Management Agency has taken over the handling of the situation at Sungai Kim Kim.

SK Tanjung Puteri Resort headmaster Mohd Asri Abdul Kadir said strong winds blew the hazardous gas into the school, causing many students to suffer breathing difficulties.

"In the 10am incident, four schoolchildren were rushed to the school's treatment room after showing symptoms of gas poisoning," he said.

Asri said 857 schoolchildren were affected.

"The number of pupils suffering from dizziness, nausea and vomiting increased gradually. They were rushed to the Taman Pasir Putih Community Hall for treatment," he said.

He added that the Department of Environment came to check the air quality and found that it was fine.

The department confirmed that the incident occurred due to strong winds.

"Firefighters and rescue personnel ordered the closure of the school and instructed the staff and students to go home at 11.15am," he said.




# 13 Pasir Gudang schools to be closed indefinitely

**JOHOR BARU:** A total of 13 schools around the area affected by the chemical pollution in Pasir Gudang will be closed indefinitely beginning today, says state executive councillor Dr Sahruddin Jamal.

The schools are SK Taman Pasir Putih, SMK Taman Pasir Putih, SK Pasir Putih, SK Tanjung Puteri Resort, SMK Tanjung Puteri Resort, SK Kota Masai 2 and SMK Kota Masai 2.

Also to be closed are SK Kota Masai 3, SMK Kota Masai, SK Kota Masai, SK Perigi Acheh, Sekolah Agama Kampung Pasir Putih and Sekolah Agama Taman Pasir Putih.

Education Minister Dr Maszlee Malik said more than 300 people were receiving medical treatment at two major government hospitals here due to the chemical pollution.

The Simpang Renggam MP said 266 victims were being treated at the Sultan Ismail Hospital (HSI) while 42 were at the Sultanah Aminah Hospital (HSA) since the pollution was reported on March 7.

"I am sad and angry. The irresponsible action by some people caused these victims, including schoolchildren and teachers, to suffer.

"I want to make sure those criminals involved in the dumping of toxic chemicals into the river will face the law. The ministry will extend our fullest cooperation to the authorities," he said when met after visiting the victims warded at HSI here yesterday.

Meanwhile, Johor MCA is calling on the authorities handling the chemical spill to have better communication among themselves.

Youth chief Ling Tian Soon said this comes after SMK Pasir Putih and SK Pasir Putih were given the nod by the authorities to reopen on Monday.

"The incident happened last Thursday and the authorities decided to reopen the schools, claiming it is safe for the students.

"But the students were still affected by the toxic fumes despite the clearance given by the authorities," he said when met after visiting some of the victims warded at HSI.

Ling urged the authorities to close the schools near the river as a temporary measure.

# Protect state's water sources, Johor urged

**JOHOR BARU:** The chemical pollution in the Kim Kim river is a wake-up call for the authorities to step up efforts to protect the state's water sources against irresponsible and "sick" people.

Senior fellow at the Centre for Environmental Sustainability and Water Security of Universiti Teknologi Malaysia, Prof Dr Zulkifli Yusof, said that luckily Kim Kim was not a major river.

"If they had disposed of such toxic chemicals upstream, the chance of it ending up in our water source would have been high.

"A lot of people could have been affected," he said, urging the government to come down hard on the culprits.

Prof Zulkifli said that in this case, the chemicals would eventually be washed downstream and into the sea.

"However, a lot of marine life and bio diversity will be destroyed along the way and it will take months for the river to recover," he said.

Prof Zulkifli added that the authorities would need to ascertain if those who dumped the toxic waste into the river were merely ignorant or had other intentions.

It is learnt that among the possible pollutants in the river was benzene.

According to Chemicalsafetyfacts.org, benzene is primarily used as a feedstock or raw material to make other industrial chemicals, such as ethylbenzene, cumene and cyclohexane.

Benzene is also used as a solvent in the chemical and pharmaceutical industries.

Excessive exposure to benzene can cause drowsiness, dizziness and unconsciousness while long-term exposure can affect the bone marrow and cause anaemia and leukaemia.

Meanwhile, Johor Ruler Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar wanted stern action on those responsible for the chemical pollution in Sg Kim Kim in Pasir Gudang.

Sultan Ibrahim was enraged over the incident, which had caused hundreds of people, including students, to be hospitalised.

His Majesty wants the authorities to conduct a full-scale investigation to bring the culprits to book immediately.

At the same time, he also expressed his appreciation and gratitude to all medical personnel attending to the victims.

"These are innocent schoolchildren, teachers and health workers.

"Don't those responsible feel any remorse at the thought that children in the ICU are fighting for their lives?

"These are my rakyat and I will not let this matter go unanswered. I urge all government agencies to apprehend and punish the culprits immediately," said His Majesty via his official Facebook page.

Sultan Ibrahim also advised the public, specifically residents in the affected area, to be extra vigilant and seek immediate treatment if they feel unwell.

"Schools also should not be opened until the situation is completely safe for students and teachers. I also urge residents to stay indoors as much as possible," added His Majesty.

**LAMPIRAN 8**
**UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 38**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**

# TNB Research perkukuh R&D, inovasi

Oleh **SHAHIZAM TAZALI**
ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 12 MAC**

TNB Research Sdn. Bhd. akan mempertingkatkan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi bagi menjana penciptaan nilai dalam industri tenaga domestik dan antarabangsa.

Ketua Pegawai Strateginya, Ir. Dr. Mohd. Fadzil Mohd. Siam berkata, sebanyak RM120 juta telah dibelanjakan pada tahun lalu untuk R&D dan pihaknya berjaya mencipta nilai sehingga enam kali ganda daripada jumlah yang dilaburkan.

Menurut beliau, penciptaan nilai dihasilkan dalam pelbagai bentuk seperti produk dan sistem baharu, mengoptimumkan proses dan kecekapan.

"Selain melaksanakan R&D di peringkat dalaman, kami juga bekerjasama dengan pelbagai syarikat dari luar negara termasuk Korea Selatan, Jepun dan Vietnam.

Produk-produk yang dihasilkan bukan sahaja untuk kegunaan Tenaga Nasional Berhad (TNB), tetapi untuk negara dan dikomersialkan kepada pihak luar.



**ISNARAISSAH MUNIRAH Majilis (kanan) mendengar penerangan daripada Ketua Seksyen Kumpulan Kejuruteraan Forensik TNB, Hafizzudin Kasim (dua dari kiri) sambil diperhatikan Mohd. Fadzil Mohd. Siam (kiri) ketika melawat pameran sempena Hari Terbuka TNB Research 2019 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN**

"Kepakaran TNB Research dalam pelbagai bidang membolehkan kami terpilih menyertai rangkaian pintar di negara maju seperti Jepun dan Jerman. Pakar kami juga mewakili Malaysia di pentas antarabangsa sekali gus mengangkat penyelidik negara ke persada lebih tinggi khususnya dalam sektor tenaga," katanya dalam majlis Hari Terbuka TNB Research 2019 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Isnaraissah Munirah Majilis.

TNB RESEARCH

Dalam pada itu, Isnaraissah Munirah berkata, syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) harus mencontohi TNB yang menggalakkan R&D dan inovasi melalui anak syarikatnya.

"Usaha TNB dalam membangunkan kepakaran dalaman selari dengan komitmen kementerian ke arah keupayaan inovasi negara di samping meningkatkan kadar pengkomersialan aktiviti R&D," katanya.

Tambah Isnaraissah Munirah, pihaknya menyasarkan 100 penyelidik kementerian MESTECC akan dihantar ke industri pada tahun ini bagi memberi pendedahan kepada industri selain menjadi platform terbaik dalam memperkenalkan dan memperkasa perkongsian pintar.

Hari Terbuka TNB Research 2019 merupakan program tahunan yang menampilkan 22 pempamer dan program seminar ringkas berkaitan industri utiliti. Selain itu, sebanyak empat buah buku terbitan TNB Research turut dilancarkan.

## LAMPIRAN 9
## UTUSAN MALAYSIA (TUMPANG LALU): MUKA SURAT 14
## TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)



ANTARA menteri, timbalan menteri dan wakil pembangkang yang aktif dalam sidang Dewan Rakyat penggal pertama dari 16 Julai hingga 16 Ogos tahun lalu. Dari kiri, Yeo Bee Yin (PH-Bakri), Zuraida Kamaruddin (PH-Ampang), Hannah Yeoh (PH-Segambut), Datuk Mohd. Shahar Abdullah (BN-Paya Besar), Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) dan Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam).

# Menteri, pembangkang jangan culas ke Parlimen

SIDANG Parlimen mesyuarat pertama penggal kedua sudahpun bermula semalam dan akan berakhir 11 April depan.

Jangka masanya 20 hari. Tidak lama. *Tumpang* berharap tidak ada lagi menteri atau timbalan menteri yang gagal hadir untuk menjawab soalan lisan di Parlimen seperti mana sesi Julai/Ogos dan Oktober tahun lepas.

Ketika itu macam-macam gelagat kurang enak dicetuskan menteri dan timbalan pasca Pilihan Raya Umum Ke-14. Antara 'aksi menarik', soalan sampai ke-13 tiada wakil kementerian yang jawab.

Terkena tempias itu antaranya Ahli Parlimen Ayer Hitam Datuk Seri Ir. Wee Ka Siong yang menegur "walaupun ada menteri tak sihat tapi sekurang-kurangnya mesti ada kelibat timbalan menteri menjawab soalan".

Kegagalan menteri dan timbalan mereka ke Parlimen pernah ditegur Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 23 Julai tahun lepas. Beliau tak puas hati.

Tapi, wal hasil balik asal. Keesokannya, 24 Julai sidang Dewan Rakyat yang sepatutnya disambung semula selepas waktu rehat pukul 2.30 petang terpaksa ditangguhkan sebentar kerana tidak cukup korum.

Kehadiran dalam sidang dewan penting untuk membantu menteri menjawab dan menangkis isu-isu melibatkan kerajaan.

Sudah sepatutnya Indeks Prestasi Utama (KPI) untuk mengukur prestasi menteri dan timbalan menteri menjalankan tugas di Parlimen diperkenalkan.

Ini lebih-lebih lagi dalam senario semasa hari ini yang mana rakyat dahagakan berita-berita yang sahih dan maklumat tepat daripada kerajaan untuk mereka mengharungi kehidupan termasuk kos sara hidup.

*Tumpang percaya*, dari hari ke hari, minggu ke minggu mendatang ini, Dewan Rakyat akan 'berbahang'.

Bagi mana-mana ahli Parlimen, tidak kira dari kerajaan, apa lagi wakil pembangkang, mereka menyedari segala tindak tanduk dan penampilan mereka jadi perhatian.

Ini bukan sahaja dari lensa jurugambar dan pemberita tetapi juga mata yang mengisi galeri awam dalam dewan.

Bahagian komunikasi korporat Parlimen pernah merekod kehadiran orang awam ke Parlimen dalam setahun mencecah 30,000 orang.

Selain pemberita, para pegawai kementerian-kementerian tidak menang tangan. Mereka perlu mengambil dan membuat laporan sesi perbahasan, permohonan peruntukan dan isu berkaitan kementerian masing-masing dalam soal jawab.

Purata sesebuah kementerian menghantar lapan hingga 10 pegawai untuk bertugas di Parlimen semasa sidang kedua-dua dewan. Kalau 25 kementerian, sudah berapa? Hampir 250 orang.

Bahkan, bajet kerajaan yang diperuntuk pada Parlimen bukannya sedikit. *Tumpang* difahamkan, anggaran kos perbelanjaan untuk setahun bersidang sahaja mencecah RM30 juta.

Ini merangkumi bayaran elaun perjalanan dan sara hidup Ahli-Ahli Dewan, sewaan, kos utiliti, pengangkutan barang-barang, penyelenggaraan, bahan makanan dan minuman, bekalan bahan mentah juga perkhidmatan dan hospitaliti.

Begitupun yang pasti, sidang Dewan Rakyat kali ini akan makin 'berapi' sejak kerajaan Barisan Nasional (BN)tumbang 9 Mei tahun lalu.

Bagi penyokong kerajaan, sebilangan mereka perlu pantas merungkai persoalan dilontar pembangkang.

Lazimnya, menteri adalah suatu istilah seni untuk menggambarkan pegawai-pegawai kanan yang mengetuai kementerian dan jabatan dalam lingkungan kerajaan yang luas.

Kalau semasa zaman Kesultanan Melaka lagi (jauh *Tumpang* mengimbau), menteri sebahagian dari anggota majlis eksekutif Sultan.

Disebabkan waktu itu tiada pilihan raya, kelayakan mereka tertakluk kepada keperibadian yang meyakinkan Sultan dari aspek kebijaksanaan dan kewibawaan.

Sejarah Melayu sering menggunakan pantun berikut untuk menggambarkan ciri-ciri utama seorang pemimpin yang baik, termasuklah kalau sekarang Ahli Parlimen:

*Kalau mencari tempat mandi,*
*Pertama teluk kedua pantai,*
*Kalau mencari pemimpin negeri,*
*Pertama elok kedua pandai.*

# LAMPIRAN 10
## HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 10
## TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)

**METANA SUNGAI KIM KIM**

# CUNGAPAN GELOMBANG KETIGA

*Kesihatan 857 murid terjejas akibat terhidu bau pencemaran dibawa angin kuat*



Mohd Sabran Md Sani, Izlaily Nurul Ain Hussein, Suraya Roslan dan Mahaizura Abd Malik
am@hmetro.com.my

**Pasir Gudang**

"Kejadian berlaku sebelum waktu rehat apabila empat murid tiba-tiba mengalami sesak nafas, loya dan muntah," kata Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort, Mohd Asri Abdul Kadir.

Dalam kejadian kira-kira jam 10 pagi itu, empat murid sekolah berkenaan terpaksa dikejarkan ke bilik rawatan sekolah selepas mengalami simptom keracunan dipercayai terhidu gas kimia dari Sungai Kim Kim di sini.

Difahamkan SK Tanjung Puteri Resort terletak kira-kira tiga kilometer dari Sekolah Menengah Pasir Putih dan 3.2 kilometer dari Sungai Kim Kim.

Mohd Asri berkata, gelombang ketiga pencemaran itu dihadapi seramai 857 murid sekolah apabila terhidu bau pencemaran akibat dibawa angin kuat pagi semalam.

"Pagi tadi (semalam), sesi pembejalaran berjalan seperti biasa dan tiada tanda murid terhidu gas kimia sejak kejadian itu berlaku enam hari lalu, murid dan pengurusan sekolah tidak berdepan sebarang masalah kesihatan.

"Bagaimanapun keadaan cemas bermula 9.45 pagi apabila empat murid loya, muntah dan pening," katanya ketika ditemui di sekolah itu, semalam.

Menurutnya, dia terpaksa mengambil langkah utama dan mengarahkan semua murid berkumpul di kawasan lapang bagi memastikan keselamatan terjamin sejurus selepas empat murid mendapatkan rawatan.

"Saya arahkan semua murid dan pengurusan sekolah termasuk guru turun di dataran perhimpunan bagi memudahkan tindakan susulan dilakukan.

"Tidak lama kemudian bilangan murid yang mengalami tanda pening, loya dan muntah bertambah sebelum dikejarkanke Dewan Komuniti Taman Pasir Putih di sini, untuk mendapatkan rawatan," katanya.

Menurutnya, murid sekolah itu silih berganti dikejarkan ke dewan dengan menaiki ambulans bermula jam 10 pagi hingga 11.30 pagi bagi mendapatkan rawatan susulan.

"Pada masa sama, pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) datang untuk melihat kualiti udara, namun tahap bacaan sifar, selain mengesahkan ia berpunca daripada angin.

"Anggota balai bomba dan penyelamat mengarahkan penutupan sekolah dan mengarahkan kakitangan dan murid pulang ke rumah pada 11.15 pagi," katanya.

Menurutnya, sekolah itu kemudian dikosongkan, selain guru-guru turut menghantar murid orang Asli dari Teluk Kabung pulang ke rumah pada 12 tengah hari.

Sementara itu, tinjauan di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih mendapati petugas kesihatan membantu memberikan rawatan kepada kira-kira 100 murid sekolah terbabit.

Murid yang mengalami tanda sesak nafas dan muntah diberikan rawatan termasuk diberikan alat bantuan pernafasan sebelum dikejarkan ke Hospital Sultan Ismail (HSI).

Situasi menjadi agak kelam kabut apabila ibu bapa turut hadir melihat keadaan anak masing-masing yang dirawat di dewan itu.






PEGAWAI perubatan memberi bantuan kepada murid yang mengalami simptom keracunan di SK Tanjung Puteri Resort.





## 260 terpaksa dapatkan rawatan

**Pasir Gudang:** Seramai 260 individu termasuk pelajar di dua sekolah terpaksa mendapatkan rawatan di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih di sini, semalam mengalami sesak nafas, pening, loya dan muntah.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahruddin Jamal berkata, mangsa terbaru pencemaran gas kimia dari Sungai Kim Kim itu membabitkan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Puteri Resort dan Sekolah Rendah (SK) Tanjung Puteri Resort.

"Sekarang ini sebanyak 260 orang menerima rawatan akibat pencemaran hari ini.

"Ia membabitkan mangsa dari SMK Tanjung Puteri Resort dan

# LAMPIRAN 10 (SAMB.)
# HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 11
# TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)

HARIAN METRO

## Sultan Johor murka

**Johor Bahru:** Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar murka dan kesal terhadap pihak yang membuang bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, hingga memberi kesan buruk kepada murid, pelajar sekolah dan orang awam.

Menerusi Facebook (FB) rasmi, baginda bertitah mahu pihak berkuasa melakukan siasatan secara menyeluruh terhadap insiden itu.

Baginda turut melahirkan penghargaan terhadap pasukan perubatan yang bertungkus-lumus memberikan rawatan kepada mereka yang dimasukkan ke Hospital Sultan Ismail (HSI).

Titah baginda, disebabkan perbuatan pihak tidak bertanggungjawab, ratusan orang termasuk murid serta pelajar sekolah terpaksa dikejarkan ke hospital bagi mendapatkan rawatan susulan, malah ada yang bertarung nyawa dalam wad unit rawatan rapi (ICU).

"Ini adalah rakyat saya dan saya tidak akan membenarkan perkara ini melarat. Saya menggesa semua pihak berkuasa untuk segera menangkap dan menghukum pelakunya.

"Saya berasa amat sedih apabila melihat ramai yang merana akibat tindakan mereka yang tidak berperikemanusiaan. Bukan sahaja kanak-kanak malah dewasa yang melakukan tugas seperti pemandu ambulans, pekerja kantin sekolah," titah baginda.



MURID SK Tanjung Puteri Resort dibenarkan pulang selepas mendapatkan rawatan awal di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih.

## 13 sekolah tutup sementara

**Johor Bahru:** Sebanyak 13 sekolah membabitkan 10,000 murid dan pelajar yang terjejas teruk akibat pencemaran sisa toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang di sini, ditutup sementara bermula hari ini hingga keadaan selamat.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahruddin Jamal berkata, keputusan itu dibuat menerusi persetujuan Mesyuarat Pengaktifan Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri.

"Mesyuarat bersetuju supaya Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor dan Jabatan Pendidikan Agama Negeri Johor menutup 13 sekolah sehingga tarikh ditetapkan," katanya dalam kenyataan malam tadi.

Katanya, antara 13 sekolah terbabit ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Pasir Putih, SK Pasir Putih, SK Tanjung Puteri Resort, SMK Tanjung Puteri Resort, SK Kota Masai 2, SMK Kota Masai 2 dan SK Kota Masai 3.

Turut ditutup SMK Kota Masai, SK Kota Masai, SK Perigi Acheh, Sekolah Agama Kampung Pasir Putih dan Sekolah Agama Taman Pasir Putih.

Dr Sahruddin berkata, kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mengaktifkan Jawatankuasa Kerja bagi menangani pencemaran akibat pembuangan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim.

"Tujuan pengaktifan jawatankuasa kerja adalah untuk menyelaraskan dan memantau kejadian tumpahan bahan kimia terbabit.

"Mesyuarat Pengaktifan Jawatankuasa Kerja bersetuju melantik kontraktor dilesenkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan kerja pembersihan Sungai Kim Kim sepanjang 1.5 kilometer diselaraskan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan JAS negeri," katanya.

Katanya, orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak memasuki kawasan di lokasi kerja-kerja pembersihan yang akan dilaksanakan.

Beliau berkata, kerajaan negeri meminta orang ramai mengikut saranan Jabatan Kesihatan Negeri supaya mendapatkan rawatan segera sekiranya mempunyai gejala pedih mata, sakit dada dan sesak nafas dan disyaki terhidu dan terdedah kepada bahan kimia terbabit.

"Mereka diingatkan menggunakan air terawat untuk aktiviti harian, kerap mandi dan pakaian yang digunakan hendaklah dibasuh berasingan setiap kali keluar dari rumah bagi mengelakkan kemungkinan sisa toksik terkena di anggota badan.

"Orang ramai diingatkan untuk mengelakkan diri dari memasuki dan berada di kawasan kejadian terbabit dan dinasihatkan mengelak melakukan sebarang aktiviti termasuk aktiviti riadah berdekatan kawasan Sungai Kim Kim, Pasir Gudang," katanya.

Beliau juga mengingatkan orang ramai supaya mengikuti maklumat terkini kejadian ini dari sumber maklumat yang sahih dan mematuhi arahan pihak berkuasa.

**FAKTA**
Orang ramai diingatkan untuk mengelakkan diri dari memasuki dan berada di kawasan kejadian

SK Tanjung Puteri," katanya pada sidang media di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih, semalam.

Hadir sama, Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr Selahuddeen Abd Aziz.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu memandangkan ada pihak lain akan mengumumkannya.

"Di peringkat kerajaan negeri saya tidak boleh bagi kenyataan," katanya mengulas ringkas sebelum meninggalkan dewan itu sebaik meluangkan masa 15 minit.

# LAMPIRAN 11
# HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 12
# TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)





MURID SK Pasir Putih pulang selepas sekolah berkenaan diarahkan tutup.



IBU bapa berkumpul selepas mengetahui anak mereka mengalami simptom sesak nafas.

# Kuarantin di rumah

## ■ Ibu bapa kecewa ramai murid terjejas selepas hadir ke sekolah




**Pasir Gudang**

Penduduk daerah ini terutama ibu bapa kecewa dengan tindakan terburu-buru pihak berkuasa membuka sesi persekolahan lebih awal dan menyebabkan lebih 211 individu dimasukkan ke Hospital Sultan Ismail (HSI) sejak Khamis lalu.

Rata-rata ibu bapa berpendapat, pihak berkuasa sepatutnya menutup sementara semua sekolah di kawasan sekitar Sungai Kim Kim yang terjejas akibat pembuangan sisa kimia itu.

Dakwa ibu bapa, senario tiga gelombang pencemaran bermula gelombang pertama Khamis lalu, diikuti gelombang kedua kelmarin dan ketiga semalam, menyebabkan ramai murid dan pelajar terkesan akibat terhidu bau tercemar.



SEORANG pelajar menahan sakit akibat sesak nafas berikutan pencemaran bahan kimia.

Ini kerana gelombang pertama dan kedua membabitkan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih memberi kesan kesihatan kepada 211 individu kelmarin.

Situasi cemas berulang apabila dua sekolah iaitu SK Tanjung Puteri Resort dan SMK Tanjung Puteri Resort ditutup selepas pelajar mengalami tanda keracunan sama, pagi semalam.

Suri rumah, Norziana Abdullah, 43, berharap semua sekolah berdekatan di lokasi pencemaran ditutup sementara sehingga keadaan pulih.

"Tidak salah jika sekolah di kawasan lokasi pencemaran itu ditutup sementara bagi memastikan keadaan terkawal dan tahap kesihatan pelajar dalam keadaan terbaik.

"Biar pelajar terbabit tinggal di rumah dan kembali ke sekolah apabila keadaan stabil. Itu lebih baik berbanding berdepan risiko kesihatan terjejas sehingga mengancam nyawa," katanya yang tinggal di Kampung Bukit Pulai, Taman Pasir Putih di sini.



"Tidak salah jika sekolah di kawasan tercemar ditutup bagi pastikan keadaan terkawal"

*Norziana Abdullah*



"Semua sekolah perlu ditutup sementara bukan dua sekolah terjejas saja"

*Mohd Fauzi Masnan*



"Kami tidak mahu situasi panik berlaku mengakibatkan pelajar dikejarkan ke hospital"

*Mohd Asri A Karim*

Katanya, dua anaknya bersekolah di SMK Pasir Putih dan dikuarantin di rumah kerana tidak mahu terkesan akibat kejadian selain sekolah diarahkan tutup.

Penduduk, Mohd Fauzi Masnan, 40, turut menggesa pihak berwajib terutama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) menutup semua sekolah terjejas di kawasan berisiko akibat pencemaran.

"Semua sekolah perlu ditutup sementara bukan saja dua sekolah terjejas Khamis lalu tetapi semua sekolah di kawasan sekitar.

"Penutupan sekolah wajar kerana masih ada bau pencemaran dan kesannya dilihat apabila dua anak di SK dan SMK Tanjung Puteri Resort terkesan akibat pencemaran," katanya.

Guru Besar SK Tanjung Puteri Resort, Mohd Asri A Karim menyarankan penutupan sementara sekolah berdekatan kawasan pencemaran.

"Sekolah berdekatan wajar ditutup sementara sehingga kualiti udara memuaskan dan tiada kes baharu.

"Kami tidak mahu situasi panik berlaku mengakibatkan pelajar dikejarkan ke hospital akibat mual, loya dan muntah, selain pening," katanya.

# LAMPIRAN 12
## HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 12
## TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)

# Perlu pindah sehingga kerja pembersihan sungai selesai

**Kuala Lumpur:** Penduduk yang tinggal dalam radius 50 hingga 100 meter daripada kawasan tercemar akibat pencemaran gas di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor, perlu berpindah sementara antara dua hingga tujuh hari sehingga lokasi tercemar dibersihkan sepenuhnya.

Pakar Hidrologi Ir Alias Hashim berkata, pihak berkuasa perlu menjauhkan penduduk dari kawasan itu sehingga punca pencemaran dalam sungai dibersihkan serta dikenal pasti.

"Situasi sekarang dikategorikan sebagai berisiko tinggi berikutan membabitkan beberapa nyawa.

"Untuk tempoh dua ke tujuh hari ketika sungai dibersihkan, penduduk sekitar perlu menjauhkan diri dalam lingkungan 50 hingga 100 meter dari kawasan tercemar," katanya.

Katanya, sungai yang tercemar akibat sisa minyak boleh dibersihkan menggunakan beberapa teknik.

"Pelupusan sisa bahan pencemaran ini boleh dilakukan dengan menggunakan sejenis bahan kimia khusus untuk menggumpalkan minyak tumpahan itu.

"Kaedah lain, boleh menggunakan perangkap minyak terapung bagi memerangkap sisa di atas permukaan air sebelum disedut ke tangki pengumpul untuk dibuang di tempat selamat," katanya, di sini, semalam.

Beliau yang juga Pengarah Kejuruteraan Air di Jurutera Perunding Zaaba Sdn Bhd berkata, kaedah sama dilakukan pengusaha minyak dan gas jika berlaku tumpahan minyak di perairan.

Menurutnya, kualiti air tercemar disebabkan sisa buangan industri secara haram sepatutnya dibuang di tempat diluluskan Jabatan Alam Sekitar mengikut standard dan prosedur diputuskan pihak berkenaan.

Katanya, Malaysia perlu merangka badan khusus untuk mengawal selia sungai seperti dipraktikkan di negara barat dengan meminda beberapa peruntukan undang-undang sewajarnya.

"Ia bagi memastikan sungai diurus secara bersepadu dengan polisi jelas dan tidak terpisah antara tanggungjawab agensi berkaitan.

"Kita ada peraturan, tetapi penguatkuasaan lemah.

"Jadi perlu dirangka dan diwujudkan badan khas yang diberi kuasa merangka polisi dan mengurus sungai secara mampan dan bersepadu bagi menangani isu pencemaran seperti ini pada masa akan datang," katanya.



SUNGAI Kim Kim yang tercemar dengan bahan kimia.

**LAMPIRAN 13**
**SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 20**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**

# Caj plastik 20 sen

**KUALA LUMPUR**-Peniaga serta peruncit dibenarkan mengenakan caj 20 sen kepada pelanggan untuk setiap beg plastik bermula 15 Mac ini.

Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Abd Samad berkata, caj tersebut bertujuan menampung kos yang ditanggung peniaga sebelum ini.

Caj terbabit dikenakan ke atas beg biodegradasi yang dibekalkan kepada pembeli untuk menampung sebahagian kos pengeluaran plastik berkenaan yang selama ini ditanggung oleh peniaga," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan media, semalam.

Katanya, dalam masa sama pihaknya turut menasihatkan orang ramai membawa beg sendiri.

"Bagi mengelakkan daripada menanggung kos 20 sen ini, orang ramai boleh membawa beg sendiri apabila membeli belah," katanya.

Terdahulu, Selasa lalu, Khalid mengumumkan caj pencemaran sebanyak 20 sen akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan mulai 15 Mac ini.

Pendekatan tersebut katanya bertujuan memberi kesedaran dan perubahan kepada rakyat Malaysia amnya dan Wilayah Persekutuan khususnya mengenai keperluan perbelanjaan kerajaan untuk membersihkan pencemaran sisa plastik.

Kerajaan Negeri Selangor melaksanakannya pada 1 Januari 2017 manakala Pulau Pinang melaksanakan larangan penuh pada 2011.

# LAMPIRAN 14
## SINAR HARIAN (PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM): MUKA SURAT 35
## TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)

PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM

# Sultan Ibrahim murka, kesal

*Baginda mahu pihak berkuasa siasat insiden, hukum pelaku*

JOHOR BAHRU

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar murka dan kesal terhadap mereka yang didapati terlibat dalam kes pembuangan bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim di Pasir Gudang sehingga memberi kesan buruk kepada murid, pelajar sekolah serta orang awam.

Sultan Ibrahim bertitah, baginda mahu pihak berkuasa melakukan siasatan secara menyeluruh terhadap insiden berkenaan.

"Disebabkan perbuatan pihak yang tidak bertanggungjawab itu, ratusan orang termasuk murid serta pelajar sekolah terpaksa dikejarkan ke hospital bagi mendapatkan rawatan susulan. Malah ada juga yang bertarung nyawa di dalam ICU!

"Ini adalah rakyat saya dan saya tidak akan membenarkan perkara ini melarat. Saya menggesa semua pihak berkuasa kerajaan untuk segera menangkap dan menghukum pelakunya," titah Sultan Ibrahim kepada Royal Press, semalam.

Sultan Ibrahim bertitah, baginda merasa sedih apabila melihat ramai rakyat merana akibat tindakan mereka yang tidak berperikemanusiaan itu.

"Bukan sahaja kanak-kanak tetapi juga orang dewasa yang hanya melakukan tugas seperti pemandu ambulans dan pekerja kantin sekolah.

Sultan Ibrahim bertitah menasihatkan orang ramai khususnya penduduk di sekitar kawasan kejadian supaya sentiasa berhati-hati dan segera mendapatkan rawatan jika berasa kurang sihat.

*"Ini adalah rakyat saya dan saya tidak akan membenarkan perkara ini melarat. Saya menggesa semua pihak berkuasa kerajaan untuk segera menangkap dan menghukum pelakunya."*
- Sultan Ibrahim

FOTO: ROYAL PRESS OFFICE



**info**

**Sultan Ibrahim kesal kes pembuangan bahan kimia beri kesan kepada murid dan orang awam**

"Sekolah juga tidak harus dibuka selagi keadaan tidak benar-benar selamat untuk pelajar dan guru.

"Kurangkan juga sebberapa banyak pergerakan di luar," titahnya.

Dalam pada itu, Sultan Ibrahim bertitah, baginda turut melahirkan penghargaan terhadap pasukan perubatan yang bertungkus-lumus memberikan rawatan kepada mereka yang dimasukkan di Hospital Sultan Ismail (HSI) susulan insiden berkenaan.

## Sesak nafas selepas hidu bau busuk dalam kelas

**PASIR GUDANG** - Beberapa pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Puteri Resort tiba-tiba sesak nafas selepas terhidu bau busuk di dalam kelas, semalam.

Salah seorang mangsa, Siti Nur Alya Mahira Ahmad Sirajuddin, 15, berkata, dia dan beberapa rakan sekelas mengalami sesak nafas kira-kira jam 9.40 pagi.

"Masa itu saya ada dalam kelas, terhidu bau busuk. Selepas itu saya mula sesak nafas.

"Saya nampak ada beberapa kawan pun sama sesak nafas lepas itu cikgu panggil keluar," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih, di sini, semalam.




**Salah seorang mangsa yang dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut.**



**Suasana sibuk di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih, semalam.**

Pelajar Tingkatan Tiga itu menerima rawatan di dewan berkenaan sebelum diminta mendapatkan rawatan lanjut di klinik.

Ibunya, Sharifah Zulaini Syed Abd Rahman, 45, berkata, dia bergegas ke sekolah selepas dimaklumkan oleh guru tentang keadaan anaknya itu.

"Cikgu minta saya bawa balik Alya tapi bila saya sampai sekolah Alya dah dibawa menaiki ambulans ke dewan.

"Saya kemudian diminta bawa anak ke klinik atau hospital untuk dapatkan rawatan lanjut," katanya.

Sementara itu, penduduk Zubaidah Sibok, 45, berkata, dia bimbang mendengar bunyi siren ambulans yang keluar masuk melalui kawasan kediamannya.

"Saya minta suami lihat apa berlaku. Lepas itu baru tahu anak kami, Nurul Maizura Azima Mansor dirawat di dewan ini.

"Pagi tadi dia baik sahaja pergi sekolah tapi tak sangka dia juga sesak nafas," katanya.

Sementara itu, suasana sedikit kecoh apabila ibu bapa mahu mengetahui keadaan anak masing-masing tambahan pula mereka tidak dibenarkan masuk bagi memberi ruang kepada pesakit mendapat rawatan.

Guru bertugas turut meminta ibu bapa bertenang dan tidak risaukan keadaan anak-anak mereka yang sedang menerima rawatan.

Ada mangsa yang dibawa ke Hospital Sultan Ismail (HSI) bagi menerima rawatan lanjut dan ada juga yang dibenarkan pulang.

Selain murid dan pelajar, terdapat juga orang awam menerima rawatan secara berperingkat.

SMK Tanjung Puteri Resort terletak berhampiran dua buah sekolah yang ditutup susulan pencemaran kimia semalam, Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih dan SMK Taman Pasir Putih.

Tinjauan Sinar Harian mendapati, lebih 100 pelajar SK Tanjung Puteri Resort dan SMK Tanjung Puteri Resort sedang menerima rawatan di dalam dewan berkenaan.



**Petugas umum nama pelajar yang menerima rawatan kepada ibu bapa.**

# LAMPIRAN 15
# HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 18
# TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)

## Meriah mata memandang



**Kelihatan pokok Sakura Malaysia atau nama saintifiknya Tekoma mengeluarkan bunga pelbagai warna yang menghiasi jalan ketika tinjauan di Lebuh AMJ. Bunga Tekoma atau nama saintifiknya Tecoma Stans daripada keluarga Bignoniaceae berasal dari benua Amerika menjadikan permandangan persekitaran kawasan antaranya Jasin, Ayer Keroh, Bukit Katil dan Bukit Baru di negeri ini indah berwarna-warni. - BERNAMA**

# LAMPIRAN 16
# NEW STRAITS TIMES (NATION/NEWS): MUKA SURAT 65
# TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)

SIGNIFICANT

## HEALTH MINISTRY MULLS USE OF A.I.

It can help predict dengue outbreak, reduce hospitals' waiting time

HASHINI KAVISHTRI KANNAN
**PUTRAJAYA**
news@nstp.com.my



*Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (centre) presenting a certificate to a recipient at the ministry's Excellence Awards Ceremony in Putrajaya yesterday. With him is ministry secretary-general Datuk Seri Dr Chen Chaw Min (second from left).* PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

THE Health Ministry plans to use Artificial Intelligence (AI) to improve efficiency and services delivery in the healthcare sector.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said discussions were ongoing with experts to explore and optimise services rendered by the ministry through AI.

"The importance of AI is undeniable. However, it cannot replace humans. Technology is merely a connector to newer and more advanced inventions.

"As much as AI is becoming more significant, we will still require human expertise and continue to use such expertise," he said after attending the ministry's Excellence Awards Ceremony here yesterday.

He said AI could be used in various health sectors, such as predicting dengue outbreak and address the long waiting time at hospitals, which is among the ministry's eight AI visions.

He expressed hope that the implementation of the electronic medical record (EMR) system could be carried out as soon as possible for the benefit of all.

"I hope in three years' time, the EMR innovation will become a reality and used at all public and private healthcare facilities."

At the event, 775 ministry officials received awards.

Dr Dzulkefly advised civil servants to always uphold the ministry's policies and to render excellent service to the people.

"You can have your own political stand or affiliation, it is your democratic right, but do not sabotage."

# LAMPIRAN 17
# BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 13
# TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)

KES PEMBUANGAN SISA KIMIA BERBAHAYA SECARA HARAM

## Penduduk bimbang masih hidu bau gas

**Pihak berkuasa diminta beri penerangan lebih kerap, jelas**

**Oleh Mohamed Farid Noh**
farid_noh@bh.com.my

**Pasir Gudang**

Kira-kira 50,000 penduduk berhampiran kawasan pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim, di sini, hidup dalam kebimbangan kerana masih menghidu bau gas dipercayai metana walaupun sudah enam hari pencemaran itu berlaku.

Kawasan dipercayai terjejas juga sudah merebak dari Taman Pasir Putih, Kampung Bukit Pulai dan Kampung Paya Pulai ke Tanjung Puteri dan Tanjung Langsa di sini, berikutan peningkatan mangsa di kawasan berkenaan sejak pagi tadi.

Tinjauan *BH* di kawasan terjejas di Kampung Paya Pulai yang terletak berhampiran Sungai Kim Kim mendapati penduduk lebih banyak menghabiskan masa di dalam rumah berikutan bimbang terhidu udara beracun.

Penduduk ditemui juga melahirkan kebimbangan terhadap kualiti udara di penempatan mereka dan berharap pihak berkuasa dapat memberi penerangan dengan lebih kerap mengenai tahap keselamatan udara di kawasan terbabit.

Nurul Nadia Alias, 22, yang mengandung sembilan bulan, berkata keadaan pencemaran udara amat teruk pada Khamis dan Jumaat lalu.

Katanya, semua ahli keluarganya terjaga daripada tidur awal pagi Khamis lalu apabila terhidu bau seakan-akan petrol yang amat kuat.

"Baunya amat kuat dan menyesakkan nafas sehingga saya dan anak berusia dua tahun sakit tekak dan berasa tidak selesa. Keadaan berlarutan pada Jumaat, namun bertambah baik pada Sabtu sehingga hari ini walaupun penduduk sesekali dapat menghidu bau gas.



*Dr Sahruddin Jamal*

"Kami amat bimbang, apatah lagi mengetahui pembersihan besar-besaran dilakukan di sekolah, namun penduduk tidak pula diarahkan membersihkan rumah termasuk langsir dan pakaian," katanya ketika ditemui *BH* di sini, semalam.

Pagi semalam, Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort, di sini, pula diarah dikosongkan dan ditutup buat sementara waktu susulan beberapa muridnya mengalami sesak nafas, dipercayai mempunyai kaitan dengan pencemaran gas metana.

Kelmarin, 1,400 pelajar dan murid di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih dan SK Taman Pasir Putih, di sini, diarahkan mengosongkan kawasan sekolah yang baru beberapa jam dibuka semula selepas ditutup sementara sejak Khamis lalu.

### Konsisten buat keputusan

Semalam pula, lebih 260 individu termasuk pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Puteri Resort dan Sekolah Rendah (SK) Tanjung Puteri Resort, yang dipercayai terhidu gas metana dirawat oleh pasukan perubatan di Dewan Komuniti Taman Pasir Putih di sini.

Sementara itu, seorang suri rumah yang hanya mahu dikenali sebagai Salmi, meminta pihak berkuasa lebih konsisten dalam membuat keputusan termasuk mengenai penutupan sekolah.

"Ibu bapa pada mulanya menyangka pencemaran tidak terlalu serius, tetapi apabila dua sekolah yang baru dibuka diarah ditutup semula dengan ramai pelajar dihantar ke hospital, kami menjadi amat bimbang.

"Apa sebenarnya status tahap udara yang dihidu kami di sini kerana rumah kami terletak berhampiran sekolah itu. Adakah udara di sini selamat atau adakah kami perlu berpindah sementara dari kawasan ini demi kesihatan keluarga?

"Penduduk sebenarnya dalam kebingungan dan tidak mendapat maklumat mencukupi daripada pihak berkuasa," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahruddin Jamal, menasihatkan semua penduduk di kawasan yang terletak berhampiran sungai itu supaya segera mendapatkan rawatan jika mengalami simptom sesak nafas, batuk dan mata merah.

**LAMPIRAN 18**
**BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 13**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**

# Bencana besar kepada Kementerian Pendidikan

[FOTO IDROS RAHMAT/BH]



*Pasukan RELA membantu pelajar selepas mengalami tanda sesak nafas dipercayai terhidu gas kimia dari Sungai Kim Kim di Sekolah Kebangsaan Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang, semalam.*

**Johor Bahru:** Kejadian pencemaran akibat pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim sehingga menyebabkan empat sekolah ditutup disifatkan sebagai bencana besar buat Kementerian Pendidikan.

Menterinya, Dr Maszlee Malik, berkata kejadian itu juga satu bencana yang tidak boleh diterima warga pendidik sehingga mengakibatkan ratusan murid dan pelajar menanggung kesannya, selain terpaksa dirawat di hospital.

Katanya, Kementerian Pendidikan akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada agensi berkaitan bagi memastikan penjenayah yang menyebabkan pencemaran itu dapat dihadapkan ke mahkamah secepat mungkin dan menerima hukuman setimpal.

**Tak perlu toleransi**

"Hari ini saya sedih, terharu dan geram. Sedih kerana melihat anak murid, anak kita pada hari ini yang juga ahli keluarga Kementerian Pendidikan menerima bencana yang tidak boleh diterima.

"Sudah sampai masa kita tidak perlu toleransi lagi (terhadap penjenayah), tindakan tegas harus diberikan kepada penjenayah ini," katanya pada sidang media selepas melawat murid yang menerima rawatan di Hospital Sultan Ismail di sini, semalam.

Dr Maszlee berkata, sehingga jam 5 petang semalam 266 murid, pelajar dan guru dibawa ke HSI untuk mendapatkan rawatan, manakala 42 lagi ke Hospital Sultanah Aminah (HSA).

"Daripada 42 individu di HSA, 35 adalah murid dan pelajar, manakala selebihnya orang awam.

"Daripada jumlah itu, lima ditempatkan di zon merah (kritikal), 19 di zon kuning (separa kritikal) dan 18 lagi di zon hijau (tidak kritikal)," tambahnya.

# LAMPIRAN 20
# UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 24
# TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)

Oleh **AQILAH MIOR KAMARULBAID**
*aqilah.mks@gmail.com*





ANTARA aktiviti bersama kanak-kanak yang diadakan dalam Karnival Mikrobiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Perspektif berbeza pupuk minat sains

MELENTUR buluh biarlah daripada rebungnya. Pepatah itu amat sinonim dalam memberi pendedahan mengenai kebaikan sesuatu perkara agar diterima dengan baik pada masa akan datang.

Begitu juga dalam aspek mengembangkan ilmu, persepsi yang mengatakan sains itu sukar dipelajari perlu ditangkis agar generasi muda tidak takut untuk memilih kursus tersebut ketika menjejakkan kaki ke sekolah menengah atau universiti.

Anak muda perlu diberi pendedahan sebanyak mungkin agar ilmu sains dapat diperkembangkan sekali gus negara mampu melahirkan pakar-pakar Sains pada masa akan datang.

Melihat keperluan dan kepentingan ilmu Sains, Pusat Bioteknologi dan Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menganjurkan Karnival Mikrobiologi 2018 bagi menarik minat kanak-kanak untuk mencintai ilmu Sains.

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM, **Prof. Datuk Dr. Imran Ho Abdullah** berkata, penyediaan program tersebut dijalankan sejak semester yang lepas dan merupakan kali kedua dianjurkan dengan tema *Love Them, Hate Them, Know Them*.

Katanya, kelainan program pada tahun ini merupakan percubaan untuk mendapatkan anugerah *Malaysia Book of Records* bagi acara eksperimen cap jari mikrob terpanjang.

Menurutnya, menerusi cip jari tersebut, pelajar dapat melihat kuman yang ada dan melekat pada jari.

"Selain itu, buat julung kalinya kita mengadakan aktiviti sesi makmal yang membolehkan peserta merasai pengalaman menjalankan eksperimen mikrobiologi di makmal. Pelajar-pelajar Fakulti Sains dan Teknologi (UKM) menerangkan dengan lebih terperinci mengenai mikrobiologi.

"Kami berharap peserta yang terdiri daripada pelajar tadika, sekolah rendah dan menengah dapat merasai pengalaman baharu buat mereka," katanya ketika berucap merasmikan Karnival Mikrobiologi 2018, baru-baru ini.

Imran Ho berharap agar program seumpama itu memberi pendedahan ilmu sains serta memupuk minat dalam kalangan generasi muda.

Dalam perkembangan sama, Pengarah Program Karnival Mikrobiologi 2018, **Dr. Norefrina Shafinaz Md. Nor** berkata, pelajar-pelajar daripada 13 buah sekolah akan merasai dan menikmati keajaiban dunia sains daripada perspektif yang berbeza.

"Selain itu sebanyak tujuh modul baharu diperkenalkan dalam program pada tahun ini. Semoga penganjuran ini memberi manfaat dan impak kepada pelajar," ujarnya.

> "Anak muda perlu diberi pendedahan sebanyak mungkin agar ilmu sains dapat diperkembangkan sekali gus negara mampu melahirkan pakar-pakar sains pada masa akan datang.



SEORANG pelajar yang menyertai acara eksperimen cap jari mikrob bagi melihat kuman yang ada dan melekat pada jari.



DR. IMRAN HO ABDULLAH (kanan) mencuba alat cap jari mikrob terpanjang ketika melawat tapak pameran sempena Karnival Mikrobiologi 2018, di Bangi, baru-baru ini.

**LAMPIRAN 21**
**KOSMO (DUNIA): MUKA SURAT 40**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**



FACEBOOK/PAMELA STORY
**TIMBUNAN** salji tebal bagaikan terbahagi dua di antara sebatang jalan raya.

# Dinding salji setinggi 12.4 meter apit sebatang jalan

**PERGUNUNGAN SIERRA NEVADA, California –** Seorang pemandu berkongsi rakaman gambar menakjubkan ketika memandu di celah timbunan salji setinggi 12.4 meter (m) yang melitupi bahagian bahu jalan raya ke resort pelancongan Squaw Valley Alpine Meadows di sini Jumaat lalu, lapor akhbar *Daily Mail*.

Rakaman tersebut menunjukkan kereta yang dipandu berhampiran Tasik Tahoe itu kelihatan seperti diapit dinding putih di kiri dan kanan jalan susulan bacaan mencecah 1,300 sentimeter (sm) salji melanda kawasan itu.

"Sesetengah kawasan di puncak gunung dan beberapa resort pelancongan sekitar tempat ini ditimbus salji lebih 15 meter tinggi," menurut pihak berkuasa.

Kebiasaannya, hanya 5sm salji turun sudah cukup untuk mengganggu aliran trafik sementara lapisan salji tebal perlu dicedok atau dialihkan menggunakan jentera khas.

Bagaimanapun, resort Squaw Valley Alpine Meadows telah mengumumkan mereka akan melanjutkan musim luncur salji sehingga 7 Julai ini susulan salji turun begitu banyak selepas satu kejadian ribut baru-baru ini.

Resort itu menerima tambahan 50sm salji baru-baru ini menjadikan jumlah keseluruhan 1,550sm salji yang turun musim sejuk tahun ini. Jumlah itu juga lebih 500sm lebih banyak daripada salji yang turun pada musim sejuk tahun lalu. – Agensi



FACEBOOK/PAMELA STORY
**GAMBAR menunjukkan tembok salji setinggi kira-kira 12 meter di bahu jalan dekat Tasik Tahoe di Sierra Nevada, California baru-baru ini.**

**LAMPIRAN 22**
**THE STAR (FOREIGN NEWS): MUKA SURAT 8**
**TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)**

# Shell: We can be world's largest power producer

## Firm spending up to US$2bil yearly on new energies division

**HOUSTON:** Royal Dutch Shell Plc plans to become the world's biggest power company despite electricity's historically narrow margins.

The world's second-largest oil explorer by market value is spending up to US$2bil a year on its new energies division, mainly to grow in a power sector it envisions delivering 8% to 12% annual returns, according to Maarten Wetselaar, director of Shell's integrated gas new energies unit.

"We believe we can be the largest electricity power company in the world in the early 2030s," Wetselaar said in an interview with Bloomberg TV on Monday.

"We are not interested in the power business because we like what we saw in the last 20 years.

"We are interested because we think we like what we see in the next 20 years."

European oil producers such as Shell, BP Plc and Equinor ASA face greater regulatory and investor pressure to adopt clean energy than American rivals Exxon Mobil Corp and Chevron Corp. For Shell, the business is still in an experimental phase, Wetselaar said.

What BloombergNEF says:

"New Energies is backed by US$1bil-US$2bil of annual capital expenditure through 2020. Through M&A, in-house development and venture capital, New Energies has rapidly become a significant presence within the distributed energy landscape."

James Sprinz, energy analyst:

"We want to prove ourselves to ourselves that that hypothesis works before we scale it beyond our current commitments," he said.

Equinor CEO Eldar Saetre took a more hardline approach on the main stage at the CERAWeek by IHS Markit conference in Houston.

"Collectively we're not doing enough on climate change," he said. "Not taking action is unsustainable." - Bloomberg

# LAMPIRAN 23
# NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 73
# TARIKH: 13 MAC 2019 (RABU)

ARTIFICIAL INTELLIGENCE

## A.I. GOES GENDER-NEUTRAL

### First genderless 'digital voice' created to tackle Siri, Alexa stereotypes

**LONDON**

BARKING orders at a digital device that responds in a woman's voice can reinforce sexist stereotypes, according to academics and creatives who launched the first gender-neutral artificial intelligence (AI) voice on Monday.

Responding to such concerns, a Denmark-based team has created a voice nicknamed Q that was presented at the South by Southwest (SXSW) creative festival in Texas and is designed to be perceived as neither male or female.

"There is no reason that a voice has to be gendered," said Julie Carpenter, a research fellow in the ethics and emerging sciences group at California State Polytechnic University, who advised the project Q team.

"Emerging technology is being designed to rely on these ancient stereotypes."

Leading digital assistants such as Apple's Siri, the Amazon Alexa and Microsoft's Cortana are generally presented as female, Carpenter said.

All three have feminine names and mostly offer a woman's voice as the default setting, although Siri is set up to sound male in some languages.

"People seem to have a preference for female voices when the role of the AI is to assist or help someone, while they associate male voices with an authoritative tone or an area of expertise," Carpenter said.

Apple and Amazon were not available for comment.

A spokesman for Microsoft said they had researched voice options for Cortana and found "a female voice best supports our goal of creating a digital assistant". She said the company had explored adding a male voice option to Cortana.

A team at Vice Media's Virtue creative agency came up with the concept for the Q voice to highlight concerns over gendered technology and offer an alternative, in a project for Copenhagen Pride.

"It isn't easy to create a genderless voice," said Nis Norgaard, a sound designer at Thirty Sounds Good studio, who produced Q.

He used research which found male voices are usually pitched between 85 to 180 hertz (Hz) and women's are typically between 140 to 255 Hz to identify a potential neutral range where the two overlapped.

It was not just pitch that defined the perceived gender of a voice — men tend to have a 'flatter' speech style that varies in pitch less and they also pronounce the letters 's' and 't' more abruptly, said Norgaard.

The team working on Q recorded the voices of 22 transgender and non-binary people as a basis for the voice, both in an effort to represent a wider spectrum of gender and because it was thought they would sound less obviously male or female.

One final recording was chosen as Q, which was then digitally manipulated to make it more gender-neutral.

The finished voice was tested by more than 4,000 volunteers. About half said they could not tell the gender and the other half were roughly evenly divided between guessing it was male or female.

Currently, users can only interact with Q via a website.

However, Emil Asmussen, a director at the Virtue agency, said he hoped it would push major tech firms to consider widening their digital AI options to include genderless voices.

"We really have high hopes this can create some debate around the world and start a dialogue going with some of the big tech companies," he said. **Reuters**





**PLASTIC OCEAN**

A handout photo made available by Greenpeace showing a crab stuck in plastic (inset) and rubbish in between corals in Verde Island Passage, Batangas City, Philippines, recently. According to a data from the Global Alliance for Incinerator Alternatives, Filipinos dispose 163 million pieces of single-use plastic sachets daily. EPA PIC